



RM20 juta mantapkan latihan teknikal belia

MUKA 2

Sultan mahu projek ECRL tidak jejas rakyat

MUKA 5

Orang Asli gembira dapat lampu jalan solar

MUKA 7

Kebun tembikai menghijau di bumbung parkir

MUKA 17

995,000 pelajar, guru dapat manfaat

1.3 juta pelitup muka diagih ke sekolah

OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor mula mengagihkan kira-kira 1.3 juta pelitup muka boleh guna semula kepada 995,000 pelajar di negeri ini secara percuma mulai minggu ini.

Dato' Menteri Besar berkata penyerahan itu membabitkan sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) bertujuan meringankan beban keluarga.

"Kita akan serahkan ke setiap daerah dan saya berharap (pejabat) pendidikan daerah, jabatan pendidikan dan bahagian pendidikan Jais memastikan pelitup muka ini dapat diserahkan kepada pelajar," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 28 Ogos.

Melalui Twitter, beliau menjelaskan pelitup muka bercorak bendera negeri menepati piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Semoga anak-anak dan para guru dapat memanfaatkan pelitup muka ini bagi tujuan keselamatan semasa di sekolah," katanya lagi.

BERSAMBUNG DI MUKA 20



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memakaikan pelitup muka boleh guna semula kepada pelajar Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19, Shah Alam pada 28 Ogos 2020 yang diagih secara percuma. Foto oleh Nazir Khairi

TUKAR KEPADA BIL DIGITAL

Tiada Cetakan dan Penghantaran Bil Kertas Bermula **TAHUN 2021**

Apa perlu anda buat?

1 KEMASKINI

IMBAS QR KOD di bil yang anda terima bersama notis ini atau layari digitalbil.mps.gov.my untuk kemaskini profil peribadi dan e-mel anda.

2 CABUTAN BERTUAH

KEMASKINI SEBELUM 31 OKTOBER 2020 untuk memenangi hadiah menarik dalam cabutan bertuah yang akan diadakan.

3 BANTUAN

HUBUNGI Jabatan Perbendaharaan (Bahagian Hasil) di 03-6126 5800 untuk pertanyaan atau bantuan pendaftaran.



Imbas Kod QR Untuk Mengemaskini Maklumat Anda

* Tarikh cabutan dan hadiah cabutan bertuah akan dimaklumkan kemudian. Tertakluk kepada terma dan syarat. Layari www.mps.gov.my untuk maklumat lanjut berkaitan penamatan cetakan dan penghantaran bil cukai taksiran MPS melalui pos.





Contohi Selangor bantu peniaga kecil

SHAH ALAM - Inisiatif Kerajaan Selangor dan Pulau Pinang yang ditadbir Pakatan Harapan bagi membantu peniaga kecil akibat penularan Covid-19 harus menjadi contoh kepada pemerintah.

Ketua Setiausaha Pengelola Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN), Nik Nazmi Nik Ahmad berkata kebajikan peniaga yang menjadi enjin ekonomi setempat harus menjadi fokus terutamanya penyaluran bantuan dan sokongan.

"Begitu juga Kerajaan Selangor yang telah meluaskan bantuan khas RM500 di bawah pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin kepada peniaga dan peniaga kecil berlesen yang menyewa premis pihak berkuasa tempatan.

"Kerajaan Pulau Pinang pula menyediakan bantuan RM20 juta untuk membantu peniaga kecil," katanya pada 28 Ogos.

SELangkah bantu negeri salur bantuan

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor memanfaatkan data aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) bagi mengesan bekas pesakit Covid-19 seterusnya menyalurkan bantuan RM1,000.

Usaha menjejaki mereka dilakukan menerusi paparan soalan di telefon pintar sebaik sahaja pengguna mengimbas kod QR sebelum memasuki premis atau bangunan kerajaan.

Langkah itu bagi memastikan lebih ramai bekas pesakit menerima bantuan RM1.8 juta yang diperuntukkan melalui pakej rangsangan yang diumumkan pada 1 April lalu berdasarkan beberapa syarat.

Antaranya penduduk yang bermastautin lebih lima tahun dan disahkan positif oleh hospital, klinik kesihatan kerajaan atau pusat perubatan berdaftar.

Bantuan khusus itu boleh didaftarkan melalui pautan www.selangorprihatin.com.

Aplikasi pertama jejak kontak rapat

SHAH ALAM - Selangor aktif menangani penularan Covid-19 apatah lagi negeri ini mencatat bilangan kes tertinggi dalam negara, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata usaha tersebut dibuat melalui sistem Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) dan penubuhan Pasukan Petugas Pencegahan Covid-19 Selangor (STFC).

"SELangkah merupakan sistem menjejaki kontak rapat pesakit Covid-19 pertama di Malaysia yang sangat praktikal walaupun tanpa telefon pintar dan menghimpun data masuk keluar individu di sesebuah premis.

"Kerajaan Selangor sentiasa menitikberatkan kesejahteraan warganya. Inisiatif sebegini memberi ketenangan jiwa dan minda ketika kita masih diancam Covid-19," tulisnya di Facebook pada 28 Ogos.

Wujud rantaian kukuh pemain industri

RM20 juta mantapkan program IKTISASS

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA SELANGOR - Kandungan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) terus dikembangkan supaya ia dapat mewujudkan rantaian kukuh dengan pemain industri pada masa depan.

Dato' Menteri Besar berkata ekosistem teknologi memerlukan sumber tenaga manusia mahir sekali gus lebih banyak institusi pengajian teknikal dan vokasional diperlukan susulan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

"Ini kerana ekosistem teknikal dan vokasional yang boleh dikatakan bergerak secara sendiri serta tidak membina rantaian kukuh dan menyeluruh menggagalkan usaha pembangunan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 25 Ogos.

"Selepas ini, kita akan menambah beberapa usaha termasuk menubuhkan institusi teknikal dan vokasional yang akhirnya akan bergabung dengan rantaian institusi pengajian yang kita ada seperti Universiti Selangor (Unisel)."

Beliau berkata pembelajaran di negara maju termasuk Jerman boleh dijadikan contoh dalam melahirkan tenaga mahir hingga mereka ditawarkan berkhidmat dengan syarikat automotif gergasi seperti Mercedes dan BMW.

Amirudin menjelaskan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM20 juta pada tahun ini bagi memantapkan program IKTISASS sebagai tanda sokongan.

Pada majlis sama, beliau menyampaikan Sijil Tamat Latihan kepada 91 pelajar tajaan program IKTISASS yang menamatkan pengajian pada 2019.



MAHIR... Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) ditemani EXCO Pembangunan Generasi Muda, Mohd Khairuddin Othman melihat pelajar melakukan kerja kimpalan ketika Majlis Penyampaian Sijil Tamat Latihan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) dengan kerjasama The Welding Institute (TWI) di Seksyen U5, Shah Alam pada 1 September

Sasar lima kali ganda penerima bantuan kesihatan

SHAH ALAM - EXCO kerajaan prihatin berhasrat meneruskan program bantuan barangan perlindungan kesihatan dan makanan berkhasiat tahun depan dengan sasaran lima kali ganda penerima.

V Ganabatirau berkata setakat ini program itu memberi manfaat kepada 5,700 individu daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) di Selangor.

"Kita (Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin) sebenar-

nya merancang pelaksanaannya tahun ini sahaja kerana ada peruntukan daripada program lain yang tidak dapat diadakan ekoran Perintah Kawalan Pergerakan.

"Jadi, semasa saya turun padang mengagihkan bantuan ini kepada penghulu dari semua mukim seluruh negeri ini, mereka (penghulu) gembira dan menyambut baik inisiatif tersebut, malah berharap peruntukan ditambah kepada 500 pek bagi setiap mukim," katanya pada 31 Ogos.

Beliau berkata program tersebut di-

harap memenuhi permintaan golongan terlibat termasuk warga emas, ibu tunggal, orang kelainan upaya (OKU), wanita hamil dan anak yatim untuk memperoleh barangan penjagaan kesihatan serta makanan seimbang.

Terdahulu, sebanyak RM347,700 disalurkan menerusi penghulu dari 57 mukim seluruh Selangor bagi pengagihan bantuan merangkumi pelitup muka, cecair pembasmi kuman, Milo, beras, Nestum dan biskut berkhasiat.



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Teguh keharmonian antara kaum

Sultan Selangor seru hayati Rukun Negara

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mahu rakyat menghayati Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Baginda bertitah lima prinsip yang digubal pada 1970 kurang diberi penekanan sejak 1980-an hingga menyebabkan sebahagian rakyat tidak mengamalkan asas rukun itu.

Sultan Selangor bertitah keadaan tersebut mengakibatkan penghargaan terhadap Rukun Negara kurang diterapkan dalam agenda perpaduan nasional.

"Ia berpunca daripada kelemahan segelintir rakyat mendukung keluhuran Perlembagaan Persekutuan dalam setiap tindakan serta kegagalan menghormati kedaulatan institusi raja di negara ini," titah baginda pada 28 Ogos lalu.

Bagaimanapun, Sultan Sharafuddin gembira berikutan usaha



DYMM Sultan Selangor bersama Rukun Negara dalam tulisan jawi yang dibingkai

menerapkan prinsip Rukun Negara ke arah memperteguh keharmonian antara kaum di Malaysia giat dijalankan.

Baginda menyeru rakyat mencontohi penghayatan penduduk Indonesia terhadap Pancasila yang diamalkan secara serius dalam memupuk semangat patriotisme.

"Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke-63 kali ini baginda percaya, keteguhan

perpaduan sedia ada mampu diperkukuhkan lagi sekiranya rakyat memahami sepenuh hati tentang sejarah dan perjuangan bangsa terutamanya prinsip digariskan Rukun Negara.

Baginda mahu agar Rukun Negara diperkasakan semula ke arah membina sebuah negara bangsa yang berdaulat dan disegani sempena sambutan Jubli Emas 50 tahun tunjang perpaduan negara itu.

31 Ogos milik semua, bersama 'perangi' Covid-19

SHAH ALAM - Sambutan kemerdekaan ke-63 dianggap milik bersama apabila masyarakat tanpa mengira kaum 'berperang' menentang Covid-19, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata petugas barisan hadapan juga dihargai pada sambutan kali ini termasuk petugas hospital, pasukan keselamatan, sukarelawan mahupun penghantar makanan yang memenuhi keperluan seharian rakyat ketika tempoh kawalan.

"Justeru, merdeka tahun ini adalah merdeka kita bersama kerana semua-

nya terlibat termasuk mereka yang bekerja di lapangan ataupun yang tidak kelihatan.

"Oleh itu marilah kita raikan merdeka tahun ini dengan semangat kita bersama," katanya menerusi video Hari Kebangsaan ke-63 yang didedikasi khas untuk rakyat Selangor pada 31 Ogos.

Pada masa sama, Amirudin berkata rakyat di negara ini mampu mengharungi pelbagai cabaran sejak awal termasuk rusuhan, cabaran ekonomi dan kali ini 'berperang' dengan Covid-19.

Katanya, ia adalah pengalaman baru

dan pengajaran penting bahawa semangat muafakat dan perpaduan kaum menjamin kejayaan negara.

"Dengan cabaran yang kita tak pernah fikir dan jangka, kita dapat atasi kerana semua pihak sudah bekerja keras, bekerjasama satu sama lain, menghargai dan memberikan sepenuh kerjasama bagi memastikan perang Covid-19 berjaya ditempuhi.

"Pelbagai cabaran dan rintangan yang dilalui dapat mengekalkan muafakat dan perpaduan kita antara satu sama lain," katanya.

Kerencaman kaum jadi kekuatan ekonomi negeri

SHAH ALAM - Kepelbagaian kaum menjadi kekuatan Selangor sehingga menjadi penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan kemajuan negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perpaduan dan keharmonian penduduk perlu dijaga supaya pengalaman 63 tahun membina bangsa diperkukuh dan tidak disia-siakan.

"Selangor sememangnya 'melting pot' atau bunga rampai yang mempertemukan pelbagai etnik sama ada Mandai-

ling, Jawa, Bugis mahupun Orang Asli semenjak dahulu dan menjadi pilihan kaum Cina dan India serta Borneo mencari rezeki.

"Krisis seperti peristiwa berdarah 1969 dan pandemik Covid-19 mendekatkan kita selain membawa kembali ke landasan perpaduan serta keharmonian seperti matlamat Rukun Negara," katanya pada 28 Ogos.

Amirudin berharap perkara itu dapat dicapai melalui Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 peringkat

negeri yang dilancarkan 27 Ogos lalu.

Pelan itu dilaksanakan bagi mewujudkan negara yang menjulang perpaduan dan penyatuan nasional dalam tempoh lima tahun berteraskan Rukun Negara.

Pada 22 Ogos lalu, Kementerian Perpaduan Negara memulakan sesi maklum balas rakyat berhubung draf PTPN bagi tempoh itu dengan menyasarkan penglibatan 10,000 orang di seluruh negara.

Pelancaran berkenaan diadakan serentak di Melaka dan Perak sebelum diikuti negeri-negeri lain

Petugas perubatan pejuang merdeka

SHAH ALAM - Pengorbanan petugas perubatan memerangi pandemik Covid-19 ibarat pejuang kemerdekaan yang bertaring nyawa demi menyelamatkan negara daripada musuh.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata semangat mereka membolehkan rakyat hidup aman dan selesa ketika seluruh dunia berdepan ancaman wabak itu.

"Setiap kali sambutan kemerdekaan, kita diingatkan tentang perjuangan terdahulu yang menyelamatkan negara daripada penjajah serta menyingkirkan musuhnya.

"Sebagaimana semangat tersebut, saudara-saudari di hadapan saya (pegawai perubatan) sebenarnya pejuang terkini yang mempertahankan negara ketika Covid-19," katanya.

Menerusi video Merdeka Kita terbitan Media Selangor, Amirudin berterima kasih kepada mereka selaku barisan hadapan yang memastikan orang ramai menyambut kemerdekaan dalam suasana selamat.

Video yang mula disiarkan 29 Ogos lalu memaparkan kanak-kanak lelaki bernama Iman terpaksa ditinggalkan ibu bapanya demi memenuhi tugas sebagai kakitangan perubatan.

MB: Elak cetus keresahan

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar mengajak orang ramai mempraktik ajaran Rukun Negara, malah memperhalusinya dan bukan sekadar kata-kata.

Dato' Seri Amirudin Shari kesal berikutan masih ada kelompok yang tidak memahaminya dan mengamalkan sikap yang boleh menimbulkan kemarahan serta keresahan.

Sambil memetik kata-kata Bapa Kemerdekaan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, beliau mengingatkan semua pihak mengenai kepentingan perpaduan sebagai asas kekuatan negara.

"Pada ulang tahun ke-63 kemerdekaan, kita tidak boleh melupakan negara ini dibina dengan usaha dan jerih perih leluhur kita yang menumpahkan darah dan air mata untuk melihat sebuah negara dan bangsa yang maju jaya, dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di pentas dunia.

"Sedari awal lagi negara ini didirikan dengan nilai timbang rasa yang tinggi, saling hormat-menghormati dan ketinggian budi seperti yang digariskan dengan jelas dalam Rukun Negara," katanya dalam perutusan khas sempena merdeka.

Amirudin juga berkata perjuangan menentang Covid-19 juga masih panjang dan rakyat perlu sentiasa mematuhi norma baharu demi kesejahteraan semua.



SABC pemangkin pelaburan Asean

SHAH ALAM - Persidangan Perniagaan Asean Selangor (SABC) bakal menjadi pemangkin pelaburan baharu negara-negara rantau ini untuk bertapak di Selangor, kata EXCO pelaburan.



Dato' Teng Chang Khim berkata persidangan maya itu memberi peluang kepada negeri untuk membentuk strategi mempercepat pemulihan ekonomi.

Beliau berkata Selangor destinasi pelaburan paling strategik kerana ia dilengkapi kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang baik selain persekitaran mesra perniagaan.

"Kita juga mempunyai tenaga mahir yang yang terbesar iaitu kira-kira 3.6 juta, serta lebih 60,000 graduan dari 160 institusi pengajian tinggi di Selangor," katanya ketika berucap pada Webinar SABC pada 25 Ogos.

Turut sama Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia bagi Malaysia, Dr Richard Record, Pengarah Urusan China-Asean Investment Cooperation Fund, Than Su Ee, Pengarah Urusan International Data Corporation (IDC) Asean, Sudev Bangah dan Profesor Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Jamal Othman.

Bertemakan 'Asean: A Beacon of Light in a Pandemic-hit World Economy', SABC secara maya itu dianjurkan Invest Selangor.

Program ini akan disusuli dengan acara utama Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2020 pada 14 Oktober depan.

Keluarga berpendapatan rendah digalakkan mohon hadiah masuk IPT

SHAH ALAM - Anak Selangor daripada keluarga berpendapatan RM5,000 ke bawah digalakkan memohon Hadiah Pengajian Institut Pengajian Tinggi (HPIPT).

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata program yang turut dikenali dengan Hadiah Masuk Universiti menawarkan insentif RM1,000 buat keluarga berkelayakan.

"Kerajaan Negeri memperuntukkan 14 peratus daripada keseluruhan Belanjawan Selangor 2020 untuk pendidikan kerana pendidikan sangat penting bagi membina masyarakat maju selaras dengan agenda Negeri Pintar Perdana Asean 2025," katanya pada 27 Ogos.

Permohonan boleh dibuat melalui laman sesawang hpipt.selangor.gov.my se-

belum 11 September.

HPIPT dilaksanakan sejak 2008 bagi pelajar daripada keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam atau swasta.

Hadiah itu kemudian ditambah baik dengan menaikkan had pendapatan isi rumah.

Teknologi ekstrak air hilir sungai diperluas

200 juta liter air menjelang 2022

OLEH AFIX REDZUAN

KUALA LANGAT - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menjangka Loji Rawatan Air (LRA) Labohan Dagang Fasa 1 mampu menghasilkan 200 juta liter air sehari (JLH) menjelang 2022.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Suhaimi Kamaralzaman berkata operasi loji itu setakat ini menghasilkan 50 JLH berikutan kerja pemasangan alatan belum selesai sepenuhnya.

"Dengan kapasiti sedia ada, ia mampu menampung penggunaan hampir 30,000 akaun pengguna di Kuala Langat. Kita masih menyediakan paip-paip utama dan kerja-kerja berkenaan dijangka selesai pada 2022," katanya.

Beliau menjelaskan loji itu mengu-

nakan teknologi baharu dengan mengekstrak air dari hilir sungai (down stream), pendekatan sama yang diguna pakai di LRA Labu dan Semenyih 2.

"Sebelum ini, teknologi pada tahun 80-an adalah ekstrak air dari ba-



Suhaimi (dua kiri) meninjau LRA Labohan Dagang, Kuala Langat pada 28 Ogos

hagian atas (up stream) dekat dengan empangan yang mana air masih lagi bersih dan dirawat seperti di LRA Semenyih 1," katanya selepas lawatan ke LRA itu di Banting pada 28 Ogos.

Suhaimi memaklumkan LRA Labohan Dagang merupakan loji pertama di Kuala Langat yang sebelum ini bergantung kepada LRA Sungai Selangor dan Bukit

Tampoi.

Mula dibina pada 2017, loji tersebut mula beroperasi pada 18 Disember 2019 dengan kos bernilai RM370 juta.

Beliau menjelaskan pembinaan LRA Labohan Dagang fasa kedua dijangka bermula pada 2026 selepas LRA Rasau di Puchong siap sepenuhnya pada 2025. Pembinaan itu mampu menghasilkan 400 JLH.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN Fathi Aris Omar

KETUA PENGARANG Fazallah Pit

PENGARANG Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib, Aishah Amin & Norzilawati Sidek

WARTAWAN

Afix Redzuan syafiq@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim nazli@mediaselangor.com,

Khairul Azran Hussin khai@mediaselangor.com

Nadiah Zamrus sitinadiah@mediaselangor.com

Amin Ridzuan Ishak min.ridzuan@mediaselangor.com

Norrasyidah Arshad norrasyidah@mediaselangor.com

Sheeda Fathil sheeda@mediaselangor.com

Zareef Muzammil zareefmuzammil@mediaselangor.com

Aliff Fikri aliff.fikri@mediaselangor.com

JURUGAMBAR Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN

Nadhras Azlan nadhras@mediaselangor.com

Syahir Khadri syahir@mediaselangor.com

Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Pendigitalan bantu pulih perniagaan

SHAH ALAM - Pandemik Covid-19 menyebabkan masyarakat beralih kepada landasan digital sebagai wadah komunikasi yang lebih baik dan selamat, kata EXCO pelaburan.

Dato' Teng Chang Khim berkata situasi berkenaan membuktikan pendigitalan turut membantu memulihkan perniagaan.

"Kerajaan Negeri percaya

penganjuran Persidangan Perniagaan ASEAN Selangor (SABC) amat bertepatan kerana dapat mengenal pasti isu ekonomi serantau akibat pandemik Covid-19.

"Kita dapat berkongsi cara terbaik untuk menangani virus yang sudah berada dengan kita hampir setengah tahun," katanya ketika berucap pada Webi-

nar SABC, 25 Ogos lalu.

Beliau yakin negara-negara Asean mampu menghadapi kemelut Covid-19 kerana mempunyai tenaga kerja mahir dan pasaran yang amat besar.

"Kita berharap SABC dapat membuka peluang lebih komprehensif kepada semua peserta terutama dalam tempoh pemulihan ini," katanya.



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Sultan mahu projek ECRL tidak jejas rakyat

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan nasihat supaya projek kereta api Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) tidak memberi masalah kepada rakyat dan mengambil kira dampak sosial terhadap kawasan penempatan.

Facebook Selangor Royal Office memaklumkan baginda tidak mahu projek itu menjejaskan kampung tradisi dan Orang Asli selain memberi kesan kepada alam sekitar seperti hutan simpan serta kawasan tadahan.

Sultan Sharafuddin juga mahu projek itu dilaksanakan jauh dari bekalan sumber air mentah seperti empangan dan

tidak melalui kawasan berisiko di Permatang Kuarza, Gombak.

"Beta mahu agar setiap projek pembangunan di Selangor sentiasa mengambil kira masalah-masalah yang disebutkan tadi demi memastikan kesejahteraan rakyat pada masa depan," titah baginda pada 1 September.

Sultan Sharafuddin menitahkan perkara itu kepada Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari ketika sembah maklum dan taklimat berhubung penetapan jajaran projek ECRL di Istana Bukit Kayangan.

Turut sama menghadap, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahyia dan Timbalan Setiausaha Ker-

ajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Dr Nor Fuad Abdul Hamid.

Kerajaan Perikatan Nasional digesa mengembalikan laluan asal termasuk dari Bentong melalui Gombak ke Serendah sebelum ke Pelabuhan Klang.

Bagaimanapun, Kerajaan Selangor tidak bersetuju dengan cadangan tersebut berikutan ia boleh menjejaskan Permatang Kuarza yang mahu dijadikan Tapak Warisan Dunia.

Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini telah mengubah laluan dari Kota Bharu melalui Mentakab, Kuala Klawang dan Putrajaya.

Anjur DNS maya dua kali

SHAH ALAM - Program Ahli Dewan Negeri Muda Selangor Virtual 2020 mendapat sambutan di luar jangkaan berikutan 415 permohonan diterima pada Ogos, kata speaker Dewan Negeri Selangor (DNS).

Justeru, Ng Suee Lim berkata pihaknya mempertimbangkan untuk menganjurkan pusingan kedua sidang secara maya itu.

"Selangor mempunyai 56 Dewan Undangan Negeri tetapi bilangan permohonan melebihi 400, jadi kita pertimbangkan anjur pusingan kedua sidang DNS," katanya pada 26 Ogos.

Suee Lim berkata minat mereka untuk menyertai program itu menunjukkan negara memiliki ramai anak muda yang berpotensi menjadi pemimpin hebat pada masa depan.

Selangor menjadi negeri pertama menganjur sidang DNS secara maya khusus untuk golongan muda seawal umur 15 hingga 35 tahun.

Hari Sungai serentak di 25 lokasi

KUALA SELANGOR - Selangor bakal menyambut Hari Sungai Sedunia di 25 lokasi secara serentak pada 26 September ini, kata EXCO infrastruktur dan kemudahan awam.

Ir Izham Hashim berkata sambutan itu selaras inisiatif Friends of River (FoR) bagi mengatasi pencemaran dan menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan sungai dalam kehidupan seharian.

"Sungai merupakan sumber bekalan air kepada manusia tetapi masih ramai terus melakukan pencemaran tanpa timbul perasaan bimbang sekiranya sungai tidak lagi boleh bekalkan air kepada kita.

"Sempena sambutan tahun ini, FoR akan diwujudkan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan melibatkan pemimpin serta komuniti setempat," katanya pada 30 Ogos.

Sasar bekerja mulai hujung September

RiDE: 100 belia pertama sertai kursus

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Seramai 100 belia menjadi kumpulan pertama menerima manfaat Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) dengan menyertai kursus e-panggilan bermula September, kata EXCO pembangunan generasi muda.

Mohd Khairuddin Othman berkata mereka dipilih kerana menepati kriteria dan akan mengikuti kursus berkenaan yang diadakan secara berperingkat.

"Kita berharap kumpulan pertama dapat memulakan kerja sebagai penghantar makanan pada hujung bulan ini, kita galakkan mereka menjana pendapatan

dalam sektor ekonomi sampingan yang semakin berkembang sekaligus menambah pendapatan isi rumah.

"Sambutan terhadap inisiatif ini amat mengalakkan, borang dimuat turun sebanyak 19,000 kali setakat 1 September," katanya pada 2 September.

RiDE menyasarkan 3,000 belia miskin bandar mendapat subsidi lesen motosikal B2 berjumlah RM350, selain boleh mengikuti kursus e-panggilan bernilai RM200 dan menikmati caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial berjumlah RM70 setahun.

Antara syarat ditetapkan ialah pemohon



perlu mendapatkan pengesahan pemastautin tetap melebihi 10 tahun di Selangor menerusi pejabat wakil rakyat kawasan masing-masing dan menghantar sendiri borang ke pejabat Majlis Sukan Negeri Selangor.

Syarat lain, pemohon mesti berumur 17 hingga 30 tahun, mempunyai pendapatan di bawah RM2,000 bagi yang bekerja serta memperoleh lesen motosikal B2 bermula Januari tahun ini.

Mereka yang berminat boleh memohon inisiatif itu menerusi pautan <http://msnselangor.gov.my>.

Mula era baharu, pindah ke Menara Bank Rakyat

SHAH ALAM - Media Selangor Sdn Bhd, penerbit SelangorKini dan TV Selangor, berpindah ke pejabat baharu di Menara Bank Rakyat, Shah Alam

Setelah lapan tahun di Seksyen 13 di sini, anak syarikat Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor itu berpindah pada 1 September bagi menampung keperluan lebih 80 kakitangannya.

"Sebagai syarikat penerbitan yang menyebarkan maklumat Kerajaan Negeri, Media Selangor berusaha meningkatkan profesionalisme kakitangan dan ruang kerja yang lebih selesa.

"Perpindahan ini juga sebahagian usaha penjenamaan semula syarikat selain dari menumpukan usaha ke arah digitalisasi," kata Ketua Pegawai Eksekutif Mohamed Fareed Mohamed Ashaaree.

Pejabat baharu, seluas 10,000 kaki

persegi, memuatkan studio, bilik mesyuarat, bilik berita dan ruang kerja yang lebih besar dan selesa.

Media Selangor dikenali sebagai Communication Corporation Sdn Bhd sejak ditubuhkan lebih 11 tahun lalu sebagai sebahagian utama jentera penerangan Kerajaan Negeri.

Bertukar nama mulai Julai lalu, syarikat ini turut memperkenalkan logo ba-

haru, selain akan memperkenalkan logo unit penerbitan masing-masing, untuk mengukuhkan imej syarikat.

Selain akhbar mingguan SelangorKini dan portal TV Selangor, Media Selangor juga menerbitkan portal dan akhbar dalam bahasa Mandarin, Tamil dan Inggeris.

SelangorKini boleh dibaca di pautan selangorkini.my, TV Selangor (selangorTV.my), Selangor Journal (selangorjournal.my) serta edisi Mandarin (selangorkini.my/zh-hans/) dan Tamil (selangorkini.my/ta/).

Alamat baharu seperti berikut: Media Selangor Sdn Bhd, Aras 11, Menara Bank Rakyat, No. 1, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor



Gilap potensi wanita dalam politik

SHAH ALAM - Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) Selangor menggilap bakat peserta untuk mendalami lapangan politik dan kerja sosial pada peringkat negeri.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Wanita Berdaya (IWB) Siti Kamariah Ahmad Subki berkata peserta akan dilatih supaya lebih berani dan yakin selain cekap memimpin organisasi.

"Menariknya selepas tamat pembelajaran, mereka berpeluang sambung atau memohon pekerjaan di Selangor atau mana-mana pusat khidmat masyarakat mentor masing-masing," katanya pada 29 Ogos.

Beliau berkata akademi tersebut menggunakan empat modul merangkumi 12 subjek gabungan kuliah fizikal, pembelajaran dalam talian dan kerja lapangan selama 18 bulan.



Pasar Agro dibuka berperingkat

SHAH ALAM - Pasar Agro Selangor dijangka dibuka semula secara berperingkat mulai September dengan tumpuan diberikan beberapa lokasi baharu.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Selangor memaklumkan cadangan lokasi meliputi Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian di Klang dan Sabak Bernam.

"Kita perlu mengambil kira kesediaan pengusaha di lapangan sebelum membuka semula pasar ini kerana ia melibatkan jualan terus dari ladang," kata Timbalan Pengarah Bahagian Operasinya Mohamed Zharaubi Kafi pada 30 Ogos.

Lokasi Pasar Agro Selangor meliputi Dengkil, Puchong, Petaling Jaya, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Laman Niaga Komuniti Bandar Baru Bangi, Pasar Tani Selayang, My Farm Outlet Putrajaya, Seksyen 13 dan Seksyen 15 di Shah Alam.

Pembelian juga boleh dibuat secara dalam talian di pautan www.agrobazaar.com.my

43 pasar tani dibuka sejak PKPP

SHAH ALAM - Sebanyak 43 daripada 49 pasar tani seluruh Selangor beroperasi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), kata pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Selangor.

Abdul Rashid Bahri berkata pasar itu dibuka mengikut tatacara operasi piawai (SOP) ketat bagi mengelak penularan wabak Covid-19.

"Kita harap dengan ramai pengunjung membolehkan aktiviti ekonomi usahawan bertambah baik sekali gus menyumbang kepada pendapatan usahawan dan pemasar," katanya pada 30 Ogos.

Tambah beliau, baki pasar terbabit di Petaling (tiga), Sepang (dua) dan Kuala Langat (satu) dijangka dibuka dalam masa terdekat mengikut garis panduan Kerajaan Negeri.

Fama galak sertai Agropreneur Muda

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor menggalakan lebih ramai usahawan muda di negeri ini menyertai program Geran Agropreneur Muda.

Pengarahnya Abdul Rashid Bahri berkata ia bagi melahirkan lebih ramai golongan muda untuk terus membangunkan industri makanan yang menjadi sektor penting negara.

Setakat ini, sambutan (permohonan) masih tinggi daripada usahawan muda dan permohonan masih dibuka melalui agensi di negeri sebelum dihantar ke kerajaan pusat menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

"Justeru, Fama mengalu-alukan lebih ramai usahawan dapat sertai program ini demi manfaat jangka panjang dalam sektor tersebut," katanya pada 30 Ogos.

Peruntukan besar dalam Belanjawan 2021

Pusat simpanan makanan negara

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SERDANG - Kerajaan Negeri dijangka memperuntuk dana besar dalam Belanjawan Selangor 2021 untuk menjadikan negeri ini pusat simpanan makanan pada masa depan.

EXCO Asas Tani Ir Izham Hashim berkata pihaknya memohon sekurang-kurangnya RM100 juta berbanding RM30 juta yang dilulus dalam belanjawan terdahulu.

"Penularan Covid-19 mengajar kita pentingnya ada sumber makanan sendiri tanpa bergantung bekalan import dan kerjasama semua pihak penting untuk merealisasinya.

"Perkara ini melibatkan seluruh rantai, jadi kita tidak mahu ada pihak tertinggal sekali gus menggagalkan usaha ini, kita jangka hasilnya dapat dilihat dalam tempoh dua tahun iaitu kurangkan sedikit kos import makanan," katanya pada 29 Ogos.

Beliau berkata hasrat itu akan dijayakan melalui pembangunan di tanah seluas 5,000 ekar sebagai gedung simpanan dan pengeluaran makanan seperti terkandung dalam pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin.

Izham berkata program dijalankan bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor melalui peruntukan RM50 juta untuk projek pertanian makanan dan penternakan di tanah seluas 300 ekar juga dilakukan.



Ir Izham Hashim bersama peserta kursus fertigasi pada Program Selangor Agro Bandar di Amerin Mall, Seri Kembangan pada 29 Ogos

Agro bandar dipergiat, manfaat kawasan sempit

SERDANG - Kempen Selangor Agro Bandar diperhebat dengan memanfaatkan kawasan sempit bagi mengusahakan tanaman hidroponik, kata EXCO pemodenan pertanian dan industri asas tani.

Ir Izham Hashim berkata teknologi moden membantu isi rumah mengurangkan kos sara hidup melalui penge-

luaran makanan sendiri tanpa memerlukan tanah atau ruang besar.

"Kepelbagaian kaedah tanaman menggalakkan masyarakat bandar mengusahakan pertanian, jadi tiada tanah bukan lagi isu.

"Hasil yang ditanam juga bebas bahan kimia, berkhasiat, selamat dan segar berbanding di pasaran," katanya pada

29 Ogos.

Ir Izham turut mencadangkan penguasaan tanaman seperti kailan, cili, tomat, terung dan kangkung yang semakin popular untuk meraih pendapatan.

"Kita minta warga bandar cuba dahulu kerana ramai yang mulanya suka-suka sahaja tetapi bersungguh-sungguh selepas melihat hasil," katanya lagi.

Peniaga mahu karnival usahawan lebih kerap

SERDANG - Peniaga perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berharap Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi berkaitan menganjurkan karnival usahawan dari semasa ke semasa untuk mempromosi produk tempatan.

Pengusaha yang menyertai program Selangor Agro Bandar pada 28 Ogos lalu menyambut baik inisiatif itu kerana dapat meluaskan rangkaian perniagaan.

Pengurus Hidayah Cookies, Nurul Hidayah Mohamad Sukri berkata program

tersebut mewujudkan jaringan perniagaan lebih luas dan membantu peniaga terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Ramai pembeli membeli secara dalam talian sepanjang PKP namun masih ramai yang selesa membeli kaedah konvensional sebab mereka dapat merasa dan melihat sendiri produk," katanya.

Pengurus produk makanan bayi Rush

Baby Food Trading, Norsyzana Kadir berkata perniagaannya banyak mendapat manfaat daripada program anjuran Kerajaan Negeri dan agensi berkaitan.

"Jabatan Pertanian Selangor dan Majlis Amanah Rakyat banyak membantu ketika saya mula berniaga sejak 2017 sehingga sekarang. Karnival atau program usahawan adalah tempat peniaga seperti kami bertapak serta mengembangkan perniagaan" katanya.





Loy Sian menyempit sebagai simbolik merasmikan kemudahan lampu solar di Kampung Orang Asli Jambu, Dengkil pada 27 Ogos

Negeri peruntuk RM300,000

Orang Asli gembira dapat lampu solar

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SEPANG - Seramai 240 penduduk tiga perkampungan Orang Asli di Dengkil gembira selepas lampu solar dipasang di kampung mereka.

Tok Batin Kampung Jambu, Kelingsing dan Bakuk, Aboy Anak Budi percaya lampu itu memudahkan urusan penduduk pada waktu malam dan awal pagi.

"Sudah lama kami mohon lampu

jalan. Kalau keluar waktu gelap, kami harapkan lampu kenderaan.

"Bila ada lampu solar di jalan utama, anak-anak hendak ke sekolah pun senang, keadaan sekitar sudah terang. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana bantu kami," katanya pada 27 Ogos.

Terdahulu, EXCO Teknologi Hijau, Hee Loy Sian merasmikan majlis pemasangan lampu solar di Kampung Orang Asli Jambu, di sini.

Katanya, sejumlah RM300,000 diperuntukkan bagi memasang 90 lampu

solar di perkampungan Orang Asli.

Beliau menambah pemasangan secara berperingkat dilakukan sejak tahun lalu bermula di Gombak atas permintaan penduduk.

"Hari ini kita pasang 30 lampu solar di lima kampung, tiga membabitkan penempatan Orang Asli di Dengkil manakala dua lagi di Pulau Carey, Kuala Langat.

"Dengan pemasangan ini, kampung mereka akan jadi terang dan ceria. Usaha akan diteruskan pada masa depan kerana kita mahu mereka mendapat hak dan tidak rasa terpinggir," katanya.

RM400,000 labuh tukun tiruan

KUALA SELANGOR - Sejumlah RM400,000 diperuntuk Kerajaan Negeri untuk melabuhkan tukun tiruan sepanjang perairan Selangor bagi meningkatkan hasil nelayan.

EXCO Industri asas tani berkata projek itu turut menyediakan tempat pembiakan ikan dan menghalang penggunaan pukut tunda selain meningkatkan hasil ikan kepada ne-

layan sungai atau pinggir laut.

"Kita juga mempertimbangkan pembinaan jeti baharu mengikut keperluan bagi merencanakan industri perikanan," kata Ir Izham Hashim pada 30 Ogos.

Beliau berkata nelayan turut menikmati baucar petrol RM300 melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin bagi mengharungi tempoh sukar susulan Perintah Kawalan Pergerakan.

"Segala usaha dan inisiatif membuktikan Kerajaan Negeri mengambil berat golongan nelayan dan usaha meringankan beban mereka dilakukan dari semasa ke semasa," kata Ir Izham.

Sebanyak RM240,300 diperuntuk bagi membantu 801 nelayan mendapat baucar petrol yang boleh dituntut di stesen minyak Petronas dan Shell.

Ambil iktibar kes Sungai Buloh

SHAH ALAM - Penjawat awam dinasihatkan mengambil iktibar daripada kejadian tidak diingini yang tular di Sungai Buloh pada awal Ogos lalu, kata pegawai daerah Petaling.

Johary Anuar berkata mereka perlu mengelak terlibat dalam aktiviti tidak sihat terutama rasuah, selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

"Kita perlu ambil pengajaran dengan kes di Sungai Buloh melibatkan kakitangan awam baru-baru ini, pelbagai tohmahan diterima.

"Oleh itu, kita perlu mengelak budaya kerja tidak profesional. Sebaliknya terus mengamalkan budaya kerja cemerlang," katanya pada 2 September.

Sasar jenayah indeks turun lima peratus

PETALING JAYA - Polis Selangor menyasarkan penurunan kes jenayah sebanyak lima peratus menerusi Operasi Pencegahan Jenayah Kontinjen Selangor yang dilancarkan pada 1 September.

Ketua Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti Kontinjen Selangor Datuk K Kumaran berkata operasi sehingga 30 September dilancarkan berikutan jumlah jenayah indeks yang tinggi di negeri ini terutama selepas bermulanya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan.

Beliau berkata antara jenayah indeks yang membimbangkan dan akan diberi perhatian dalam operasi itu ialah samun jalanan yang banyak dilaporkan sejak akhir-akhir ini.

"Masyarakat diminta tampil membantu polis dengan menyalurkan maklumat jenayah bagi membolehkan tindakan diambil," katanya. - BERNAMA

Rampas 63 tan makanan ikan

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor merampas 63 tan makanan ikan yang diimport dari Oman di Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang pada 28 Ogos lalu.

Pengarah Maqis Selangor Dr Tarmisal Alimin berkata makanan ikan tanpa permit dianggarkan bernilai RM240,000 itu dirampas hasil pemeriksaan rutin ke atas dua kontena.

"Siasatan dibuat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabit kesalahan, pengimport boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya pada 1 September.

Tarmisal berkata pemeriksaan sentiasa dibuat ke atas setiap keluaran pertanian yang diimport ke negara ini bagi menjamin ia tidak membawa sebarang serangga perosak atau penyakit serta mematuhi peraturan ditetapkan kerajaan. - BERNAMA



PKPP dilanjut hingga 31 Disember

SHAH ALAM - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilanjutkan sehingga 31 Disember ini, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Ini bagi memastikan semua pihak mematuhi tatacara operasi piawai dan protokol kesihatan yang ditetapkan," katanya pada 28 Ogos.

Beliau berkata lanjutan itu membolehkan tindakan penguatkuasaan dibuat melalui Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan mengesyorkan PKPP yang tamat pada 31 Ogos diteruskan sehingga jangkitan Covid-19 di negara ini terkawal.

Muhyiddin juga berkata kerajaan akan melaksana pendekatan bersasar jika berlaku peningkatan kes jangkitan di lokaliti tertentu.

Makin ramai ingkar, 778 ditahan

SHAH ALAM - Bilangan individu yang ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) terus meningkat dengan 778 orang ditahan setakat 31 Ogos.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata seramai 98 individu direman, tujuh dijamin manakala 673 pula dikompaun.

"Kesalahan meliputi aktiviti melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal (127), gagal merekod butiran pelanggan (14) dan aktiviti dalam pub atau kelab malam (600).

"Selain itu, dua kesalahan gagal mematuhi arahan kuarantin, premis beroperasi lebih masa (12) dan beroperasi tanpa lesen perniagaan (7) serta tidak memakai pelitup muka (16)," katanya pada 1 September.

Ismail Sabri memaklumkan polis akan memohon bantuan pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan tegas terhadap pusat hiburan yang beroperasi lebih masa termasuk menarik semula permit.

Kadar jangkitan virus meningkat

SHAH ALAM - Kadar kebolehjangkitan Covid-19 negara ini meningkat kepada 1.0, berbanding 0.74 pada 26 Ogos lalu, kata ketua pengarah kesihatan.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata kawalan sempadan negara perlu diteruskan dan dimantapkan.

"Langkah ini wajar diteruskan malah perlu diperkukuhkan bagi memastikan jangkitan Covid-19 dari luar negara tidak menular ke dalam Malaysia.

"Implementasi kawalan sempadan yang lebih ketat sememangnya memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak," katanya pada 1 September.

Agong berkenan kurnia bebas awal 13 banduan

KUALA LUMPUR - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan mengurniakan pembebasan awal kepada 13 banduan di beberapa penjara di Malaysia bersempena sambutan Hari Kebangsaan ke-63 pada 31 Ogos lalu.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata banduan-banduan tersebut didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara sepanjang hayat pada 28 Disember 2001 oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, atas pertuduhan menurut Seksyen 121 Kanun Keseksaan kerana berperang atau cuba berperang atau menyubahati berperang melawan Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang Dipertua Negeri.

"Perkenan Al-Sultan Abdullah ini dibuat menurut Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan dan susulan daripada nasihat Lembaga Pengampunan Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

"Kesemua 13 banduan yang dihukum menjalani hukuman penjara sepanjang hayat sejak 2001 ini telah membuat rayuan pengampunan terhadap hukuman tersebut," katanya.

Ahmad Fadil berkata Al-Sultan Abdullah, atas nasihat Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dalam mesyuarat ke-55 yang bersidang pada 4 September tahun lepas, telah bertitah perkenan untuk 13 banduan tersebut dibebaskan pada suatu tarikh yang akan dimaklumkan.

Susulan daripada mesyuarat itu, Al-Sultan Abdullah atas nasihat Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan



Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dalam mesyuarat ke-56 yang bersidang pada 24 Julai berkenan mengurniakan pembebasan awal kepada 13 banduan tersebut, berkuat kuasa pada Ogos.

"Al-Sultan Abdullah menzahirkan harapan agar ke-

semua 13 banduan mengenang kembali kesilapan, terus memohon keampunan dan menilai sejauh mana hubungan mereka dengan Tuhan dan keluarga serta masyarakat," katanya.

Seri Paduka turut menzahirkan harapan agar mereka menjalani kehidupan yang baharu bersama keluarga tersayang dan masyarakat secara berfaedah dan masing-masing memainkan peranan sebagai rakyat yang berbakti kepada agama, bangsa dan negara, katanya. - BERNAMA

Batalkan rang undang-undang prodemokrasi

Kerajaan kini lemah, ikut semula gaya BN

OLEH AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Sidang Dewan Rakyat yang berakhir pada 27 Ogos lalu menyaksikan kelemahan kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang tiada keabsahan serta gagal menterjemah tatakelola beretika.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan yang meraih majoriti sangat tipis itu tidak layak mentadbir, apatah lagi ketika negara memerlukan kepimpinan jitu.

"Tindakan legislatif pertama kerajaan PN saat pandemik Covid-19 di Parlimen adalah menukar speaker Dewan Rakyat, yang tidak pernah berlaku dalam mana-mana sejarah dunia.

"Apa yang mengekori sejurus itu ada-



lah corak dan gaya pentadbiran Barisan Nasional (BN) yang mempunyai ciri-ciri tatanan tidak cukup sifat dan roh demokrasi," katanya pada 28 Ogos.

Bagaimanapun, Anwar kagum dengan gabungan pembangkang yang menyanjung demokrasi, mempertahankan mandat rakyat dan membuat semak imbang dengan mempersoal setiap tindakan PN.

Menyentuh kelulusan rang undang-undang (RUU), presiden Parti Keadilan Rakyat berkata sebahagiannya pernah dibentangkan kerajaan Pakatan Harapan tetapi ia dipinda ahli parlimen PN.

Beliau berkata pindaan itu termasuk cadangan melantik ketua pembangkang ke dalam Majlis Keselamatan Negara bagi

mengelak salah guna kuasa.

"Kerajaan PN menarik balik RUU Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 untuk mengukuh pengawasan ke atas pasukan polis dan RUU Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2019 yang mengehend kuasa dan penggal kedudukan perdana menteri bagi mengelak salah guna kuasa.

"Sikap ini seolah-olah mengembalikan amalan bobrok BN yang ditolak rakyat pada pilihan raya umum lalu," kata Anwar lagi.

Antara RUU yang dilulus pada sesi kali ini ialah:

- RUU Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Covid-19 2020
- RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020
- RUU Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020

Raih kebebasan, merdeka bukan sekadar slogan

SHAH ALAM - Merdeka bukan hanya diukur pada slogan atau semangat patriotik termasuk memasang bendera, sebaliknya mencakupi janji atau tekad meraih kebebasan dan keadilan kepada semua kaum.

Ketua pembangkang berkata merdeka tidak bererti jika rakyat masih dirundung kemiskinan, jurang pendapatan dibiarkan melebar dan elit politik terus

mengaut kekayaan.

"Mengulangi sikap rasuah, kepincangan, kebobrokan dalam aspek tatakelola; apakah itu boleh dikatakan memaknai semangat merdeka?"

"Dan apa maksud merdeka sekiranya rakyat atau warga di negara ini terus mencurigai antara satu dengan yang lain?" kata Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam perutusan merdeka.

Presiden Parti Keadilan Rakyat turut mengajak rakyat meraikan kemerdekaan dengan tekad dan semangat luar biasa serta menolak kebencian dan curiga antara kaum.

"Kita punya visi besar untuk tanah air tercinta yakni membangun Malaysia yang serba baharu, baik dari segi pemikiran, perekonomian, tadbir urus dan sikap," katanya.



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI

Henti amalan tamat khidmat atas nasihat PM

Lantik KP SPRM perlu majoriti Parlimen

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM - Pelantikan ketua pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada masa depan disaran dibuat melalui sokongan majoriti dua pertiga di Parlimen bagi menjamin kebebasan badan itu.

Ketua Pesuruhjayanya Datuk Seri Azam Baki berkata saranan itu dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau menambah selain pelantikan itu memerlukan majoriti sedemikian, penamatan perkhidmatan pula dibuat melalui tribunal khas bukannya atas nasihat perdana menteri.

"Pelantikan ketua pesuruhjaya dibuat melalui undang-undang di mana pelantikannya akan datang sekiranya dipersetujui memerlukan majoriti dua pertiga ahli parlimen," katanya pada 2 September.

Pelantikan ketua pesuruhjaya dibuat melalui undang-undang di mana pelantikannya akan datang sekiranya dipersetujui memerlukan majoriti dua pertiga ahli parlimen

AZAM BAKI
Ketua Pesuruhjaya SPRM



Beliau berkongsi cadangan yang terkandung dalam reformasi undang-undang suruhanjaya itu dalam temu bual pada program Dialog@Gegau menerusi saluran Melaka FM.

saluran Melaka FM.

Azam berkata JKMMAR juga bersetuju mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM bagi membolehkan badan itu diberi kebebasan untuk melantik atau menamatkan perkhidmatan kakitangannya.

"Sekarang ini kami diletakkan di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Kebebasan melantik melalui suruhanjaya sendiri adalah lebih baik dan menunjukkan ketelusan kerajaan serta kebebasan SPRM bertindak," katanya.

Beliau berkata tumpuan juga dibentangkan kepada mengurangkan ketirisan membabitkan dana kerajaan dengan memfokuskan tiga sektor utama, iaitu penguatkuasaan, perolehan dan kes berprofil tinggi.

"Tiga sektor ini (penguatkuasaan, perolehan dan kes berprofil tinggi) kalau tidak ditangani dengan berkesan, maka negara akan kehilangan banyak wang," katanya.

Sekat pemegang pas tiga negara

SHAH ALAM - Kerajaan setuju mengenakan sekatan kemasukan kepada pemegang pas jangka panjang bagi warganegara India, Indonesia dan Filipina ke Malaysia berkuat kuasa 7 September.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata keputusan itu diambil atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mengekang penularan dalam negara membabitkan kes import Covid-19.

"Sekatan kemasukan ini merangkumi penduduk tetap (PR), pas program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), ekspatriat semua kategori termasuk pas lawatan profesional, pas residen, pas-

angan kepada warganegara Malaysia (SpouseVisa) serta pelajar warganegara berkenaan," katanya pada 1 September.

Ismail Sabri berkata jika warga asing dari tiga negara itu kembali ke negara asal, mereka tidak lagi dibenarkan untuk memasuki Malaysia, walaupun individu itu pemegang pas.

"Kalau dulu saya umumkan kelonggaran kemasukan beberapa kategori untuk masuk ke Malaysia, namun kita tidak benarkan lagi.

"Buat masa ini, tiga negara itu sahaja yang disekat kemasukannya. Sekiranya negara lain turut mencatatkan kes Covid-19 secara mendadak, tindakan yang sama akan dikenakan," katanya.



Sekatan kemasukan ini merangkumi penduduk tetap (PR), pas program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), ekspatriat semua kategori termasuk pas lawatan profesional, pas residen, pasangan kepada warganegara Malaysia (SpouseVisa) serta pelajar warganegara berkenaan

ISMAIL SABRI
Menteri Kanan (Keselamatan)

Bangun aplikasi jualan, saingi platform sedia ada

KUCHING - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) akan membangunkan aplikasi penjualan dalam talian untuk kemudahan rakyat negara ini yang bakal menyaingi platform sedia ada seperti Lazada, Shopee dan Alibaba.

Menterinya Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata pihaknya sedang dalam perancangan mewujudkan se-

buah aplikasi yang pada peringkat awal ini diberi nama Online Market.

"Bila ada aplikasi dari kementerian ini, semua pengguna tidak perlu lagi akses kepada Lazada, Shopee ataupun Alibaba kerana caj mereka ini lebih tinggi," katanya pada 29 Ogos.

Mengulas lanjut, beliau berkata apabila aplikasi itu dilancarkan nanti, beliau cu-

kup yakin ia akan menjadi satu pergerakan penjualan dalam talian terbesar di dalam negara.

"Kalau pihak kementerian mengadakan aplikasinya sendiri dengan secara langsung ia dapat memudahkan pengguna dan semua syarikat penjual juga nanti boleh bersama dengan kita untuk berniaga di dalam talian," katanya.-BERNAMA

5G buka 39,000 peluang kerja

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan 5G diunjurkan membuka 39,000 peluang pekerjaan baharu sekali gus mengubah landskap tenaga kerja ke arah kemahiran bernilai tinggi, kata Pengerusi Bursa Malaysia Bhd, Tan Sri Abdul Wahid Omar.

Beliau berkata impak ekonomi daripada 5G ke atas Malaysia dijangka besar, dengan pelaksanaannya berperanan sebagai pemangkin untuk produktiviti dan pertumbuhan negara.

Selain itu, kajian terbaharu yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia melaporkan 5G berpotensi menyumbang tambahan RM12.7 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tempoh lima tahun sehingga 2025, katanya. - BERNAMA

Segera sahkan status moratorium

KUALA LUMPUR - Kalangan individu yang memerlukan bantuan pembayaran balik pembiayaan digesa agar segera memberi maklum balas atau mengunjungi bank masing-masing bagi tujuan mengesahkan lanjutan moratorium yang ditawarkan.

Timbalan Menteri Kewangan II Mohd Shahrul Abdullah berkata selain membantu peminjam yang masih memerlukan bantuan pasca moratorium, langkah itu juga penting bagi mengelak rekod kredit mereka buruk selepas September ini.

Mohd Shahrul juga mengingatkan individu dan PKS terbabit bahawa bank-bank memerlukan tempoh satu hingga lima hari untuk memproses permohonan pelanggan individu manakala permohonan PKS memerlukan tiga hari hingga dua minggu. - BERNAMA

Eksport meningkat, ekonomi kian pulih

KUALA LUMPUR - Eksport Malaysia meningkat 3.1 peratus pada Julai, walaupun pada kadar yang lebih rendah berbanding 8.0 peratus pada Jun, sejajar dengan jangkaan pasaran.

Kenanga Research berkata eksport bulan ke bulan menyederhana pada bulan lepas setelah berkembang pada kadar terpanjangnya sejak April 1997.

"Namun, dari segi nilai, ini juga merupakan eksport kedua tertinggi pada RM92.5 bilion berbanding RM82.8 bilion pada Jun selepas merekodkan paras tertinggi pada Oktober 2018, menandakan ekonomi pulih secara beransur-ansur daripada kemerosotan pada suku kedua," kata firma penyelidikan itu dalam laporan ekonominya.

Data juga menunjukkan permintaan dari China perlahan, walaupun situasi itu diimbangi sedikit oleh peningkatan eksport ke Amerika Syarikat dan Singapura. - BERNAMA



RM2.3 juta disalurkan sejak 2017

Tambah baik prasarana Morib

OLEH AMIN RIDZUAN ISHAK

SHAH ALAM – Ahli Dewan Negeri (ADN) Morib giat menambah baik pelbagai prasarana pelancongan membabitkan peruntukan RM2.3 juta di kawasan itu sejak 2017.

Sebanyak RM564,066 dibelanjakan bagi menaik taraf dan pembaikan perpaipan tandas awam dan kemudahan tempat makan (RM180,000) di pantai Morib manakala membaik pulih tandas awam di pantai Kelanang (RM33,518) dan menaik taraf sistem pencahayaannya (RM417,309).

Hasnul Baharuddin, wakil rakyat penggal kedua sejak 2013, juga meningkatkan prasarana di Bukit Jugra yang pengunjungnya mencecah 1,000 orang pada hujung minggu berbanding hanya 100 sebelum ini.

"Usaha meningkatkan kemudahan itu dibuat kerana Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib berpotensi menjadi destinasi pelancongan terkemuka yang tempiasnya bakal dirasai penduduk menerusi pertambahan peluang ekonomi.

"Sebab itu, saya bangkitkan ketiadaan tempat makan selesa di pantai Morib dan Kerajaan Negeri kemudian meluluskan peruntukan RM180,000. Begitu juga pencahayaan di pantai itu dan dataran di Pantai Kelanang yang kurang baik," katanya kepada SelangorKini.

Hasnul menjelaskan DUN itu juga mempunyai tarikan lain seperti Istana Bandar, Muzium Insitu Jugra dan Masjid Sultan

Alaeddin yang terkenal dengan sejarahnya.

"Ia harus dipelihara pihak berwajib dan kemudahannya juga boleh dipertingkatkan selain promosi serta pengisian sejarahnya diperkemas lagi untuk tatapan pengunjung," katanya.

Beliau juga tidak lupa untuk membantu industri pembuatan kerepek di Kanchong Darat yang turut menggamit selera pengunjung lantaran keunikannya.

Prasarana pendidikan

Timbalan speaker Dewan Negeri Selangor juga menambah baik prasarana sekolah membabitkan peruntukan RM200,000 antaranya penurapan dataran di Sekolah Rendah Agama Sungai Buaya dan pembinaan dewan serta kemudahan lain di Sekolah Rendah Agama Integrasi Sungai Manggis.

Beliau juga meningkatkan kemudahan beberapa sekolah termasuk membina pagar di tingkat dua dan tiga di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Lanang untuk keselamatan murid berikutan keadaan kaki lima luar kelas agak rendah.

Selain itu, Hasnul turut memberi perhatian terhadap kemudahan jalan raya, masjid, surau dan balai raya untuk kegunaan pel-



bagai lapisan masyarakat. "Kalau ada yang tidak boleh mendapat dana daripada agensi kerajaan, kita guna peruntukan ADN demi manfaat orang ramai," katanya lagi.

Hasnul juga tidak lokek untuk membelanjakan peruntukan untuk penduduk terjejas ketika wabak Covid-19 melanda negara melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa satu hingga tiga.

Beliau juga menjelaskan kira-kira 5,000 penduduk mendapat manfaat langsung

melalui Inisiatif Peduli Rakyat yang ditawarkan Kerajaan Selangor antaranya:-

- 1,700 orang menerima kad Peduli Sihat
- 380 orang mendapat kad Kasih Ibu Smart Selangor
- 600 waris menerima khairat kematian melalui Skim Mesra Usia Emas
- 3,000 warga emas menerima baucar Jom Shopping pada musim perayaan
- Mahasiswa menerima manfaat program hadiah IPT
- 100 usahawan mendapat bantuan perniagaan dan pembiayaan Hijrah Selangor.

Rozana bela pesawah, rancang bina hab makanan Jawa

SHAH ALAM - Kebajikan pesawah yang sering mengalami masalah kelewatan bekalan baja dan racun serta penyelenggaraan palong sawah antara keutamaan Ahli Dewan Negeri (ADN) Permatang.

Rozana Zainal Abidin sentiasa mengikuti rapat masalah itu sejak menang pilihan raya umum 2018, apatah lagi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang diberi jolokan 'Anjung Utara Selangor' terkenal dengan pengeluaran padi sebagai sumber makanan dan destinasi tarikan pelancong.

"Saya mendengar sendiri keluhan mereka dan masalah tersebut ditangani dari semasa ke semasa. Kerjasama baik ketua blok, tidak ketinggalan bantuan pelbagai jabatan kerajaan," katanya kepada SelangorKini baru-baru ini.

Sepanjang penularan Covid-19, beliau menyumbangkan makanan kepada 1,500 keluarga manakala bantuan lain melalui pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin turut dirasai golongan lain termasuk petani.

"Permatang menjadi DUN ketiga tertinggi menerima manfaat Skim Peduli Sihat membabitkan 2,014 penerima



manakala 512 golongan ibu menerima kad Kasih Ibu Smart Selangor," katanya.

Rozana merancang untuk menjadikan DUN itu sebagai hab makanan Jawa dan laut sebagai menjadi sumber ekonomi baharu kerana ia kaya dengan sumber marin serta majoriti masyarakatnya orang Jawa.

"Tidak salah saya menaikkan nama makanan warisan supaya ia tidak ditelan zaman. Saya juga mahu meningkatkan

kemampuan wanita untuk bersaing serta menjana pendapatan bagi membantu keluarga masing-masing.

"Antaranya menempatkan produk keluarga wanita seperti pemasaran pes makanan dan pasu simen diperbuat daripada tuala lama ke KoHijrah Mart di Seksyen 32, Shah Alam," katanya.

Tidak mahu seorang pun anak-anak terutama yang jauh di ladang keciciran


dalam pendidikan, Rozana menyediakan perkhidmatan bas berikutan tiada pengangkutan awam ke sana.

"Kami juga menganjurkan program Jom Baca dengan kerjasama beberapa pertubuhan bagi memastikan semua anak-anak lancar membaca dan menguasai bahasa Melayu dengan baik."

Rozana turut menjayakan lima projek sepanjang tahun lalu iaitu:

- Membaik pulih jambatan Kampung Baru, Pasir Penambang
- Membaiki laluan keluar air di Kampung Bestari Jaya
- Membaiki jalan di Batu 1 1/2 lorong kedai Ratu Kapit, Sungai Terap.
- Membaik pulih bangunan pejabat Majlis Perwakilan Komuniti Kampung Kampung Bukit Belimbing
- Membina papan tanda kampung

"Projek untuk tahun ini hanya dapat dilaksanakan selepas Perintah Kawalan Pergerakan tamat iaitu membina bilik air di Surau Al-Falah, membaiki Dewan Kampung Raja Musa dan baik pulih Balai MPKK Kampung Parit Serong," katanya.



S

aya bersyukur ke hadrat Allah SWT, pada hari yang berbahagia ini, saya dapat bersama-sama, dijemput

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk melancarkan dan merasmikan sesi maklum balas rakyat draf Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 yang dilancarkan pada peringkat negeri. Seterusnya ia akan diadakan di seluruh daerah, di sembilan lokaliti yang bakal ditetapkan Kerajaan Negeri dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

Saya berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada JPNIN yang berusaha untuk meneruskan usaha memantapkan perpaduan dan muafakat masyarakat berbilang kaum dalam negara kita. Seterusnya, ia menjadi salah satu inti dan resipi penting kepada kejayaan negara pada masa hadapan.

Bulan Ogos, kita dipenuhi dengan kegiatan yang bertepatan untuk sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia yang kita cintai untuk kali ke-63. Dalam tempoh itu, kita melalui beberapa episod mencabar dan mencuba keupayaan kita dalam mengekalkan perpaduan antara satu sama lain selain meneruskan usaha pembangunan dan kesepakatan yang difikirkan oleh 'forefathers' ataupun pendiri negara kita.

Justeru negara ini pernah berdepan dengan rintangan awal sejak kemerdekaan, dengan sinisisme dalam kalangan negeri-negeri sekitar, ataupun jangkakan negara-negara luar ketika itu. Yang menjangka kita tidak akan mampu berdepan dengan kesenjangan antara kaum, pengenalan ekonomi mengikut kaum dan pelbagai ramalan merebaknya semangat kedaerahan yang melampau dan akhirnya memisahkan dan menceraikan-beraikan negara yang tertubuh pada 1957.

Merungkai perbalahan

Kemudian, kita berdepan isu perbalahan dan perseteruan kaum yang memuncak sehingga peristiwa berdarah 13 Mei dicatatkan dalam rekod buruk negara. Akhirnya ia memisahkan kita dan menimbulkan beberapa dasar-dasar baru untuk menangani perkara tersebut.

Ini termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN) mahupun Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKN) di mana usaha yang telah direncanakan ketika itu, tidak lain dan tidak bukan, mengurangkan jarak antara kaum dan mengurangkan penguasaan ekonomi berdasarkan kaum tertentu yang menjadi salah satu punca perbalahan dan keirian dengan kemuncaknya pada 1969.

Kemudian, negara bergerak lagi ke hadapan selepas tamatnya DEB, kita memperkenalkan DPN dengan Wawasan 2020 menjadi elemen penting. Ia diletakkan sebagai kayu ukur dan keupayaan kita untuk mengekalkan perpaduan di samping ingin membawa negara ke arah dunia teknologi tinggi, membawa dunia pendigitalan yang kita nikmati sekarang ini.

Kelahiran Cyberjaya dan beberapa



Semai perpaduan, rancak pembangunan

elemen perpaduan ketika itu, yang ingin menolak negara daripada hanya mengamalkan ekonomi berasaskan produktiviti dan mengekalkan produktiviti tinggi berdasarkan teknologi tinggi.

Salah satu elemen penting dalam DPN ataupun Wawasan 2020 dalam sembilan cabaran yang diketengahkan ialah mewujudkan sebuah bangsa yang kita namakan sebagai bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Justeru, setelah kita melalui beberapa episod, mengenalkan DEB, DPN dan Wawasan 2020, kita ingin melonjak ke hadapan dalam tempoh 15 ke 20 tahun. Sudah pasti kita harus menilai dan meneliti semula episod, kejadian dan perkembangan terkini.

Bagaimana setiap isu dan persoalan yang ditimbulkan daripada setiap zaman dapat diketengahkan, ditangani dan dirumuskan untuk kita lalui serta depanti cabaran mendatang.

Sepakat depanti krisis

Negara kita sememangnya terkenal mampu muafakat dan sepakat apabila berlakunya krisis. Apabila timbul isu perbalahan kaum 13 Mei, sebagai contoh, segenap kelompok dan penduduk dalam negara pada ketika itu berfikir bagaimana untuk menangani perkara itu. Dan beberapa dasar dan perkara-perkara baru yang dapat

kita lalui bersama.

Episod 1998, sedikit sebanyak memisahkan kita atas perbezaan ekonomi dan politik yang mencengkam. Namun kerana adanya kesepakatan, fikiran dan fikrah yang jelas untuk kemajuan dan pembangunan negara, kita berjaya menghadapinya bersama-sama.

Kali ini, dalam episod terbaru, kita diuji dengan pandemik Covid-19 yang sedikit sebanyak mencuba bagaimana semangat perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum di negara kita dapat ditangani.

Alhamdulillah, pada saat kita berdepan 'krisis ini' kita dapat menanganinya, kita dapat berdepannya dan kembali ke landasan ataupun dalam istilahnya 'we tow to the line', kita kembali kepada landasan yang jelas - bagaimana perpaduan dipupuk dan muafakat dapat dibentuk yang akhirnya kita berjaya melepasi cabaran tersebut.

Namun begitu, dalam pada masa sama, kita tidak boleh alpa kerana negara kita merupakan negara berbilang kaum dan multi-etnik. Timbul beberapa persoalan berterusan antara satu sama lain.

Tumpuan ramai

Apatah lagi pada hari ini kita bicara tentang Selangor, sebuah negeri, sebuah kawasan dan lokaliti yang dianggap sebagai 'melting pot' atau menjadi tempat tumpuan ramai masyarakat Melayu Bumiputera, ras

dan etniknyanya cukup pelbagai.

Sama ada mereka kelompok Malaysia Timur daripada Sabah dan Sarawak yang memilih Selangor sebagai pusat pemberdayaan ekonomi ataupun ruang mencari ekonomi dan pendidikan serta pelajaran tinggi mereka. Atau daripada raras sedia ada di Selangor - Jawa, Banjar, Bugis, Mandailing dan pelbagai kelompok lain, tidak ketinggalan kelompok Orang Asli ataupun Orang Asal mahupun daripada negeri lain seluruh Malaysia.

Daripada Sabah sampai Sarawak, daripada Kelantan, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, mereka memilih Selangor sebagai salah satu pusat kehidupan mereka kerana di sini pusat tumpuan ekonomi selepas pusat perkembangan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang terletak berdekatan dan menjadi jiran kepada negeri yang kita cintai.

Sudah pasti cabarannya bukan cuma satu dan bukan 'single issue' tetapi bagaimana kita menangani perkara ini selama ini harus dijadikan pengajaran dan melihat ada isu-isu baru yang harus ditangani dengan jernih. Kita harus melihat persoalan semasa dan persoalan media sekarang yang sudah semakin terbuka.

Sedutan ucapan bahagian pertama Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari pada majlis pelancaran Pelan Tindakan Perpaduan Negara di Pusat Konvensyen Midlands, Shah Alam pada 27 Ogos



▲ Paku pasung atau paku tiang seri berusia hampir 70 tahun yang biasanya ditemui pada rumah orang Melayu dahulu kala ada dijual



▲ Siri komik terjemahan Pedang Setiawan karya Ma Wing-shing dari Hong Kong yang menjadi kegliaan anak muda lewat tahun 90-an berbalut plastik



▲ Buku berkaitan kumpulan rock Metallica dan Iron Maiden, dua aliran muzik heavy metal terkenal dunia. Irama itu popular pada era 80-an. Pelbagai buku lain juga dipamerkan



▲ Kacip pinang bercorak kepala ayam jantan yang berasal dari Surabaya, Indonesia. Harganya ditentukan mengikut bilangan balung pada alat itu

▲ Pelbagai jenis dan corak kasut terpakai dijual secara lambak. Sebahagian dibeli dari negara jiran manakala sebahagian lagi bekas barangan kesayangan (pre-loved)

▲ Pakaihan fesyen lama dan baharu antara tumpuan utama kebanyakan pengunjung

Nilai karat

Pasar karat menjadi tarikan penggemar barangan unik, terpakai dan langka serta antik mutakhir ini.

Satu daripadanya terletak di Kota Damansara, Petaling Jaya yang diuruskan INZ Xpert Resources (AiSuka Bazaar) sejak April 2013 pada setiap Ahad antara jam 7 pagi hingga 11 pagi.

Kira-kira 200 peniaga beroperasi sebelum Perintah Kawalan Pergerakan tetapi jumlahnya berkurangan separuh sejak itu.

Pasar karat lain yang popular termasuklah Lorong Kulit, George Town; Jalan Petaling, Kuala Lumpur; Amcorp Mall, Petaling Jaya; Pasar Loken, Ipoh dan Rope Walk, Butterworth.

Jurufoto **Hafiz Othman** pada 30 Ogos lalu merakam suasana Pasar Karat Kota Damansara yang menggamit nostalgia sebahagian pengunjung.



▲ Aneka jam tangan yang popular dalam era 80-an dan 90-an termasuk jenama Casio



▲ Aksesori pakaian sama ada asli mahupun tiruan sering menjadi tumpuan pengunjung khususnya anak muda



▲ Aneka corak dan bentuk anak patung terpakai dipamerkan dengan susun atur kreatif



▲ Koleksi peribadi aneka reka bentuk tembaga hiasan milik Yahya Mohd Amin, 71, yang dibelinya ketika melancong di Turki pada tahun 90-an

▶ Dua wanita membelek anak patung jualan yang bungkus plastik. Walaupun barangan terpakai, bungkusannya itu menjadikannya kelihatan baharu





Program Ibu Langat bantu jana ekonomi

SHAH ALAM - Program Ibu Langat dilancarkan bagi membangunkan ekonomi wanita di Dewan Undangan Negeri Dusun Tua.



Ahli Dewan Negerinya Edry Faizal Eddy Yusof berkata usaha itu dimulakan di Warung Ibu Langat yang beroperasi di Pangsapuri Taman Pinggiran Delima, Hulu Langat.

"Ini inisiatif kami untuk membantu kaum wanita menjual hasil masakan di warung disediakan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan," katanya pada 28 Ogos.

Beliau berkata Warung Ibu Langat bukan berasaskan keuntungan kerana ia tidak mengenakan caj untuk setiap jualan di premis berkenaan.

"Tabung juga disediakan jika ada antara mereka mahu menderma bagi tampung kos operasi," jelasnya.

Penduduk Balakong sumbang 500 baju terpakai

Jalur Gemilang gergasi

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Sebanyak 500 helai baju terpakai disumbang penduduk Balakong bagi menghasilkan Jalur Gemilang gergasi, kata Ahli Dewan Negerinya.

Wong Siew Ki berkata bendera bersaiz 40 kaki lebar dan 20 kaki tinggi dihasilkan bagi menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-63 dan Hari Malaysia ke-57.

Beliau menjelaskan usaha bagi mengumpulkan baju terpakai melibatkan kerjasama kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

"Simbolik kepada jahitan ini adalah gabungan penduduk bagi membentuk Malaysia tercinta kita.

"Sekiranya semua rakyat bergabung, bersatu padu dan berganding bahu, segala halangan dan cabaran kita boleh atasi bersama-sama," katanya pada 30 Ogos.



ADN edar 2,800 rantai kunci merdeka

SHAH ALAM - Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya mengedar 2,800 rantai kunci 'Saya Anak Malaysia' kepada penduduk sekitar sempena Hari Kebangsaan ke-63.

Ahli Dewan Negerinya Michelle Ng Mei Sze berkata pendekatan itu diambil berbanding mengagih Jalur Gemilang kerana ia lebih tahan lama.

"Tahun lalu kita mengedarkan bendera Malaysia tetapi selepas tamat hari kemerdekaan, orang mula tidak membawanya atau mungkin

dibiarkan lusuh begitu sahaja.

"Justeru, saya berfikir untuk cipta kelainan dengan memberikan rantai yang lebih berfungsi dan penerima boleh bawanya ke mana sahaja dengan meletakkannya pada kunci atau beg," katanya pada 28 Ogos.

Orang ramai yang mahu mendapatkannya boleh ke Pusat Khidmat Masyarakat DUN itu yang beroperasi setiap Isnin hingga Jumaat dari jam 10 pagi hingga 5 petang.

YB Kita

Ahli Dewan Negeri

N33 TAMAN MEDAN

Nama:
Syamsul Firdaus Mohamed Supri

Umur:
47 tahun

Negeri kelahiran
Johor

Aktiviti Masa Lapang
Melancong

Falsafah hidup:
Apa jua ditempuhi,
redha Ilahi jua didambakan

**Pekerjaan sebelum jadi
Ahli Dewan Negeri:**
Konsulten kekeluargaan

Alamat pejabat ADN:
12-2, Jalan PJS3/61, 46000, Petaling Jaya

Nombor telefon ADN:
03-7772 9121

E-mel:
syamsulfirdaus@selangor.gov.my

Facebook:
Syamsul Firdaus



Jeti terapung jadi pusat ekonomi

KUALA SELANGOR - Jeti terapung bernilai RM100,000 di Batu 8 Kampung Asahan di sini bakal dijadikan pusat ekonomi dan riadah penduduk setempat.

Ahli Dewan Negeri Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli berkata kawasan itu turut dilengkapi pondok 'home of river' sebagai tempat perbinangan dan aktiviti lebih 1,000 penduduk.

"Penduduk di sini kebanyakan bekerja sebagai nelayan, jadi jeti ini sangat membantu mereka untuk mendaratkan ikan termasuk benuh ikan dan udang.

"Kaki pancing juga boleh menyewa kemudahan sampan dan menyertai acara memancing yang dianjurkan setiap tahun," katanya pada 30 Ogos.

Juwairiya juga memaklumkan pihaknya juga sedang mencari tapak sesuai bagi membina balai raya dan gelanggang futsal untuk kemudahan penduduk setempat.

"Ini janji saya kepada penduduk terutama belia Kampung Asahan. Saya sudah nyatakan hasrat ini kepada Kerajaan Negeri dan perbinangan lanjut sedang dijalankan," katanya.



Pemandangan jeti terapung di Pangkalan Jeti Kampung Asahan, Bestari Jaya pada 30 Ogos



Informasi
Terkini
di jari anda



MUAT TURUN
PERCUMA
APLIKASI



ADN TANJUNG SEPAT

Borhan Aman Shah

Mengetuai konvoi motosikal dari Pantai Batu Laut ke Pantai Bagan Lalang, Sepang pada Hari Kebangsaan



ADN HULU KELANG

Saari Sungib

Menyertai program gotong-royong anjuran Persatuan Penduduk Taman Keramat, Ampang Jaya



ADN SENTOSA

Gunarajah R George

Bergotong-royong bersama penduduk Taman Vialis Bandar Bukit Tinggi 2, Klang



ADN TERATAI

Lai Wai Chong

Meninjau saliran air bagi mengatasi masalah banjir di Taman Putra, Ampang



ADN SUNGAI KANDIS

Mohd Zawawi Ahmad Mughni

Menyerahkan sumbangan kepada keluarga mangsa kebakaran bengkel di Kampung Sungai Kandis, Shah Alam



ADN SUNGAI RAMAL

Mazwan Johar

Menyampaikan bantuan perniagaan kepada ibu tunggal di Pusat Khidmat DUN beliau di Kajang




Gelang merah jambu di pergelangan tangan kirinya berpunca oleh bersin, hingus dan demam pada darjah tinggi meskipun dia menjaga jarak dan memakai pelitup muka sepanjang waktu ketika menikmati minum pagi di kedai makan – kini sudah ditutup, dan dia tidak menduga sama sekali usahanya menjarakkan fizikal dan menjaga kebersihan sejak Mac jadi sia-sia disebabkan pertemuannya dengan Gabriel, tujuh belas hari lalu.

Kaca tingkap diketuk, kuat sekali. Semalam dia membaling buku-buku membosankan yang tidak habis dibaca kepada Gabriel yang tersembul di celah-celah lubang tingkap, kerana berasa jengkel terus-terusan digoda agar keluar menikmati kehidupan normal seperti lazim dilakukan pada hujung minggu. Berbaki dua hari sahaja lagi untuk dia bertahan menjayakan tempoh kuarantin di rumah selama dua minggu.

Suara ibu meleteri adik bongsunya masuk menerusi lubang pintu, disertai bunyi penyedut hampagas, anak-anak kucing berkejar-kejaran sehingga kotak-kotak dilanggar jatuh dan menghentak ke daun pintu kamar, membuatkan dia bangun dari perbaringan dan meletak buku ke bantal seraya berjalan ke arah tingkap. Dia mulai keliru mana tingkap dan mana pintu kesan daripada berbelas-belas hari mengurung diri.

Dia juga nekad berpisah sementara dengan dunia luar dengan cara menjauhi internet bagi mengelak semangatnya jatuh merudum. Bukan itu saja, dia meminta ibu menanam telefon (disimpan dalam kotak dan dibalut plastik) empat kaki di bawah tanah, dekat halaman rumah, di bawah tingkap kamarnya. Di atas 'pusara' telefon diletakkan pasu bunga kertas yang selalu dikencingi kucing tetangga. Setiap pagi dan petang dia bermenung di tingkap, tersenyum puas kerana berhasil melakukan sesuatu untuk negara, selain membayar bil dan cucai-cukai.

Tetapi dia dilanda kebosanan pada hari keenam. Keluar dari kamar hanya untuk ke tandas dan ke dapur. Pada banyak waktu, ibu akan meletak makanan di depan pintu, mengetuk pintu meminta dia mengeluarkan pakaian yang hendak dibasuh. Rutin baharu itu menyebabkan jarum penimbang berat di bawah katilnya berputar laju dan dia berasa tidak selesa dengan lemak lembut yang berkumpul pada perut, paha dan lengannya. Hal tersebut mendorongnya menutup cermin meja solek dengan kain batik. Dia mulai memusuhi semua benda mati yang berpotensi membuatkan dia berasa hodoh dan



Gabriel bukan Marquez

Oleh Ruhaini Matdarin

tidak berguna.

Ini semua salah Gabriel! Dia mengecam kewujudan makhluk itu yang ditemui di kedai makan, dan umpama memetik jari, dia turut dijangkiti (semoga negatif, dia berdoa) melalui hubungan secara tidak terduga dengan salah seorang pengunjung kedai yang dijangkiti virus mutasi *super spreader*. Dan, kebetulan pada waktu itu dia membaca buku Gabriel Garcia Marquez, *Love in the Time of Cholera*, lantas dinamakan virus yang menjangkitinya itu sebagai Gabriel. Setiap malam dia akan berbual-bual dengan Gabriel sebelum tidur dan setiap kali terjaga mendadak akibat mimpi buruk, dia tercapai-cari Gabriel menerusi gelang merah jambunya, dia bimbang akan terlepas. Begitulah hari-harinya berlangsung di kamar kecil itu.

Ibu yang khawatir akan kesihatan mentalnya menghantar seorang ustazah di sebalik pintu kamarnya. Wanita itu memintanya bertenang lalu menceritakan kisah Ayub yang diuji penyakit kulit luar biasa. Ustazah menyuruhnya bersabar dan berkisah tentang wanita-wanita syurga. Dia duduk bersila dekat daun pintu, menongkat dagu dengan kedua-dua tangan sambil membayangkan

langkah enak jika dia dapat menikmati cendol dan nasi goreng ikan masin pada waktu itu, sambil mendengar saranan ustazah. Dia membenarkan semua cerita wanita itu dengan jawapan, "Insya-Allah". Wanita itu tidak pernah kembali lagi.

Genap seminggu memakai gelang merah jambu, dia mulai berasa murung. Gelang itu ditanggalkan ketika dia mandi dan tanpa terduga, Gabriel menjelma menjadi makhluk yang elok indah paras, memecahkan permukaan meja solek, membuat kerusi melayang dan cat biru langit yang melatari kamar bertukar menjadi air terjun. Burung-burung terbang di atas kepala, almari pakaian berubah menjadi pintu yang membawanya pergi ke sebuah dunia lain, dipimpin Gabriel yang menunjuk jalan dan menyuruhnya menjaga langkah agar tidak tersandung akar-akar pokok.

Gabriel meluruskan tangan ke arah bangunan agam mirip istana purba. Milik siapa itu? Dia bertanya. Kepunyaan orang yang sudah lama mati, jawab Gabriel dan ia menjadi tempat kuarantin kluster kayangan serta orang yang melanggar SOP sehingga menyusahkan ramai orang. Dia tertawa halus dan nyaris-nyaris lupa diri kerana terpesona dengan makhluk yang menjadi punca dia dikuarantin. Dia menampar pipinya seraya memakai semula gelang merah jambu.

Tetapi, Gabriel sudah terlepas bebas. Pada waktu malam ketika hendak melelepkan mata, Gabriel terapung-apung di siling seperti jelmaan roh yang tidak tenang. Dia menjerit kuat mencetuskan kegemparan menyebabkan banglo dua tingkat itu terang-benderang pada pukul dua belas tengah malam. Ayah memecah pintu kamar dan memeriksa tingkap kerana bimbang akan penceroboh. Ibu berlari ke dapur mencari air Zam-Zam pemberian

ustazah, lalu dijirus ke wajahnya dan meminta dia beristighfar mengingati Tuhan.

Keesokan pagi, Gabriel baring mengiring di sisi, merenungnya seperti kekasih yang dilamun cinta. Dia tidak ingin lagi melawan, sebaliknya mengucapkan selamat pagi dan mengajaknya berbual-bual.

"Bagaimana rasanya menjadi virus?"

"Seronok sekali menyaksikan manusia cepat cemas pada sesuatu yang tidak kelihatan," jawab Gabriel, tenang. "Dan mereka dimatikan oleh ketakutan."

Tanpa pengetahuannya, ibu meletak kamera litar tertutup di sebalik rak buku ketika dia ke tandas dan disebabkan itu seorang pakar psikiatri (sepupu ibu) berkunjung ke kamarnya pada hari kelapan, tampil seperti astronaut. Kebimbangan terbesar orang tuanya dengan pantas beralih kepada kewarasan mentalnya, bukan setakat keputusan pada akhir tempoh kuarantin.

Kamu berhalusinasi, kata ibu saudaranya. Dia bungkam di pinggir katil. Namun begitu, tidak banyak yang dapat dilakukan wanita itu selain menyuruhnya bertenang. Ketika wanita itu beredar, dia mencapai buku seraya melempar ke arah Gabriel yang melompat-lompat di antara rak, menyebabkan kamera litar tertutup bersaiz cawan mini jatuh. Ketika itulah dia mengambil kesempatan menangkap Gabriel yang tertarik dengan kamera yang tergeletak ke lantai, lalu menangkapnya dan melemparnya keluar tingkap.

Ketukan pada kaca tingkap dibiar sepi. Gabriel menghasutnya tentang "orang lain pun buat juga" dan "kau yang menjaga diri selama ini pun boleh terkena" dan dia menjerit sekuat-kuat hati menerusi lubang tingkap yang dibuka kecil sehingga menyebabkan tetangga yang menyiram bunga berlari terpontang-panting kerana terperanjat. Begitulah rutusnya, pagi dan petang, menunggu baki dua hari yang terasa begitu panjang. Demi untuk mendengar "kamu negatif". Atau jika keputusan sebaliknya, dia tidak menyakiti sesiapa, hanya dirinya sendiri.

Dan bangunkan aku setelah segalanya pergi

Meninggalkan mac, april dan mei dari dinding, hari-hari berlalu asing. Wabak setidaknya mengajarkanku tiga perkara: 1) Hampir adalah kata-kata paling sial: hampir rugi, hampir sendiri, hampir mati. 2) Anak panah sebagai doa: kau tahu ia tak akan mendarat di tempat sama saat melesat. 3) Ramalan ialah bentuk lain sebuah kesedihan.

Ajal kecil sepertinya mengizinkanmu bertemu masa lalu, atau soalan-soalan yang kian bertamu. Seperti siapa Aku? Di mana Aku? Ke mana Aku? Mengapa Aku? Aku bangun setiap pagi hanya untuk menemukan hari yang itu-itu.

Jam-jam menjelma Ouroboros. mata janggal yang menatap tubuhnya asing sendiri. pertualangan terjauhku hanya di kamar sendiri. perutku semakin sempit dilaparkan ketidaktentuan sendiri. dan hari depanku ditertawakan nasib sendiri.

Tuhan pastilah mafhum aku hanya mahu bertahan hidup. Tetapi—

Iman Danial Hakim



Parkir terbiar bertukar hijau Kebun tembikai kuasa solar

Oleh Nazli Ibrahim
Foto Remy Arifin

KEBUN P Manickavasagam bukan di atas tanah terbentang luas, sebaliknya tanaman tembikai wangi (rock melon) diusahakannya hanya di lot parkir terbiar.

Terletak di bumbung tingkat empat Plaza Sri Muda, Shah Alam yang panas dan berangin, sesuai untuk tanaman itu, kawasan seluas 1,800 meter persegi asalnya berlumut, catnya luntur bahkan ada dindingnya kopak.

Beliau mengambil masa beberapa bulan sebelum mengubahnya kepada 'panorama' hijau apabila kebun itu mula 'menjadi' sejak 10 tahun lalu.

Malah, pengarah Kolej VIS Mechatronic berusia 60 tahun juga menggunakan kepakarannya dalam bidang mekatronik untuk membangunkan sistem kuasa solar dan program pengkomputeran di situ.

Panel solar

Lapan panel solar dipasang untuk menjana kuasa elektrik bagi menggerakkan pam yang menyalurkan baja cecair dan air ke tanaman. Panel itu mampu menghasilkan kuasa 2,000 watt, malah ia boleh disimpan dalam enam bateri.

Beliau berbelanja kira-kira RM6,000 untuk membina sistem tersebut. Ketika itu, harga panel jauh lebih mahal berbanding sekarang.

"Walaupun modal permulaan agak tinggi tetapi untuk jangka panjang kaedah itu jauh menjimatkan dan praktikal untuk ladang-ladang yang biasanya tiada bekalan elektrik.

"Saya harap idea ini boleh digunakan petani lain kerana biasanya ladang-ladang pertanian tiada beka-

lan elektrik, lebih-lebih lagi kos untuk membina sistem solar sekarang semakin murah dan mudah," kata Manickavasagam kepada SelangorKini baru-baru ini.

Campuran baja dan air disalurkan menggunakan komponen 'programmable logic controller' (PLC) melalui komputer dengan 48 batang paip sepanjang enam meter. Paras baja cecair di tangki pula dikawal menggunakan pengesan had (level sensor). Pam berfungsi apabila ia mencapai paras ditetapkan. Teknologi itu mengelakkan pembaziran sekali gus mengurangkan penggunaan sumber tenaga manusia.

Kaedah hidroponik

Manickavasagam memulakan penanaman itu dengan modal permulaan kira-kira RM7,000. Awalnya, beliau menanam 500 pokok menggunakan kaedah fertigasi. Namun, beliau beralih kepada teknik hidroponik - mudah diurus, hasil lebih banyak dan kualiti buah-buahan meningkat.

Risiko serangan serangga juga jauh lebih rendah menggunakan teknik hidroponik. Sedangkan, kaedah fertigasi memerlukan penanaman dalam polibeg yang

mengandungi sabut kelapa dan tanah sekali gus memerlukan lebih masa untuk diselenggarakan.

Bagi penyediaan tapak, teknik hidroponik cuma mengambil masa kira-kira seminggu untuk disediakan berbanding lebih 15 hari menggunakan kaedah fertigasi yang memerlukan proses memulihkan tanah sebelum boleh ditanam semula.

Gred A

Pokok tembikai mengambil masa kira-kira 75 hari untuk mengeluarkan hasil. Kebun itu mampu mengeluarkan lebih 3,200 buah gred A, rata-ratanya seberat dua kilogram. Buah gred A akan dibeli peraih pada harga kira-kira RM9 sebiji manakala bakinya dijual sendiri di kawasan berhampiran.

Justeru, Manickavasagam yang mendapat bimbingan dan bantuan baja daripada Jabatan Pertanian Gombak memperoleh jualan antara RM7,000 hingga RM8,000 setiap kali tiba masa menuai.

Beliau yang kerap dijemput Jabatan Pertanian untuk memberi ceramah berharap lebih ramai petani menggunakan kaedah berteknologi tinggi bagi meningkatkan pengeluaran. Manickavasagam juga giat melakukan penyelidikan bagi meningkatkan pengeluaran buah gred A.

"Kita perlu sedar keluasan tanah untuk pertanian semakin berkurangan disebabkan pembangunan tetapi dengan pertanian moden masalah ini dapat diatasi," katanya.





157 tindakan dalam op kenderaan berat

SHAH ALAM - Sebanyak 157 tindakan diambil pelbagai agensi dalam pemeriksaan khas kenderaan berat di lapan taman perumahan sekitar Subang dan Puchong pada 27 Ogos lalu.

Majlis Perbandaran Subang Jaya memaklumkan operasi bersepadu itu memabitkan polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Jelasnya, ia disertai 30 anggota bagi membanteras tindakan segelintir individu meletakkan kenderaan berat di kawasan perumahan yang membahayakan penduduk.

"Pihak majlis berharap agar tindakan diambil ini dapat mendisiplinkan dan mendidik pemandu agar mengikut peraturan," kata majlis itu.

Kompaun tiada suntikan imunisasi

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) mengeluarkan lapan kompaun terhadap beberapa peniaga dalam pemeriksaan kebersihan premis makanan pada 27 Ogos lalu.

Dalam operasi itu, beberapa kedai diperiksa di Taman Putra Kajang, Taman Baiduri Jaya, Bandar Teknologi Kajang, Taman Semenyih Impian, Taman Semenyih Ria dan Taman Pelangi Semenyih 2.

Pihak berkuasa tempatan mengeluarkan masing-masing empat kompaun atas kesalahan tidak mendapatkan suntikan imunisasi demam kepialu dan membuang cecair kotor ke saluran.

Tindakan dibuat mengikut Seksyen 9 (f) dan 19 (1) (d) Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPKj 2007.

MPS roboh palang penghadang

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selangor meroboh palang penghadang dua lokasi setelah didapati tidak mengikut spesifikasi pada 27 Ogos lalu.

Pengarah Jabatan Korporatnya, Mohamad Zin Masoad berkata tindakan itu kesalahan halangan di tempat awam atas mengikut Seksyen 46 1(a) Akta 133

"Bagi lokasi pertama, tindakan ini dibuat kerana palang penghadang telah dirantai dan dikunci sehingga menghalang orang awam keluar masuk ke laluan tersebut.

"Manakala, bagi lokasi kedua penguat kuasa mendapati kelulusan skim komuniti berpengawal dan berpagar telah tamat tempoh," katanya.

Barang sitaan akan dilelong

Curi bakau, empat lelaki ditahan

OLEH NORZILAWATI SIDEK

SHAH ALAM - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor menahan empat lelaki yang disyaki mengambil hasil hutan kayu bakau berhampiran Sungai Kembung, Pulau Indah pada 23 Ogos lalu.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata operasi yang turut disertai Pasukan Gerak Am Pulau Carey turut menyita sampan fiber, enjin sangkut, 200 batang kayu jaras bakau dan tiga motosikal.

"Kayu jaras bakau yang disita disimpan sementara di Pejabat Renjer Hutan Pelabuhan Klang sebelum proses lelongan dijalankan," katanya pada 25 Ogos.

"Mereka dibawa ke balai polis Pelabuhan Klang untuk tindakan lanjut."

Mereka disiasat mengikut Seksyen 84(1) Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM200,000 atau dipenjarakan tidak kurang setahun atau kedua-duanya.



Antara longgokan kayu jaras bakau yang disita berhampiran Sungai Kembung, Pulau Indah pada 23 Ogos

Kaji laluan Puncak Alam-MRT Sungai Buloh

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) melakukan kaji selidik dalam talian bagi mendapatkan pandangan awam berhubung perkhidmatan Bas Smart Selangor untuk laluan KS02.

Laluan itu menghubungkan Puncak Alam, Saujana Utama dan stesen Transit Aliran Massa serta Komuter Sungai Buloh.

Agensi berkenaan memaklumkan kajian tahap kepuasan bertujuan untuk membuat keputusan sama ada mengekalkan hentian akhir di stesen pengangkutan awam itu atau mengubahnya ke laluan asal, di hentian bas

jalan utama.

"Diharap semua penumpang Bas SMART Selangor MDKS laluan KS02 dapat memberi kerjasama bagi menayakan kaji selidik yang dibuka sehingga 22 September ini.

"Kaji selidik boleh diisi di pautan <https://forms.gle/5uw5MqpaLk9L5G-Ta6>," katanya pada 1 September.

Laluan KS02 mula diperkenalkan pada 1 Ogos 2017 merangkumi perjalanan sejauh 25 kilometer. Perkhidmatan itu beroperasi setiap hari bermula jam 6 pagi hingga 10 malam.

Diharap semua penumpang Bas SMART Selangor MDKS laluan KS02 dapat memberi kerjasama bagi menayakan kaji selidik yang dibuka sehingga 22 September ini

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

Rampas barang kafe warga Sudan

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) menyita sebuah kafe kendalian warga Sudan di Bandar Saujana Putra dekat sini pada 26 Ogos.

Yang dipertuannya berkata majlis tersebut turut merampas beberapa barangan seperti shisha, meja, kerusi dan monitor komputer dalam operasi jam 4 petang.

Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata pihaknya tidak berkompromi dengan perkara itu selaras ketetapan Kerajaan Negeri yang melarang warga asing menjalankan perniagaan di Selangor.

Orang ramai yang ada maklumat berkaitan perniagaan melibatkan warga asing boleh menghubungi MPKL melalui talian 03-3187 2825 atau Sistem Pengurusan Aduan Selangor.



Penguat kuasa MPKL menyita kafe milik warga Sudan di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 26 Ogos

PBT diminta guna peruntukan sendiri

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diminta menggunakan peruntukan sendiri bagi membeli kamera badan berikutan harganya tidak mahal.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata kekurangan peruntukan khususnya bagi PBT berstatus daerah untuk memasang alat tersebut tidak seharusnya menjadi isu.

"Harga kamera badan tidak mencecah sehingga RM1,000 seunit dan bergan-

tung pada jenama yang (PBT) pilih, jadi tidak timbul isu mereka mampu beli atau sebaliknya.

"Bukan semua anggota penguat kuasa perlu memakai kamera badan tetapi dikhaskan kepada ketua anggota sahaja yang bertugas di lapangan bersama pasukan.

"Bagaimanapun, jika ada dua atau tiga anggota lebih baik," katanya pada 31 Ogos.

Beliau menambah Kerajaan Negeri juga tidak menetapkan kuantiti minimum pembelian peranti itu sebaliknya bergantung tahap keupayaan PBT masing-masing.

"Mereka menyambut baik pemasangan alat ini yang mampu menjadi bahan bukti jika berlaku insiden tidak diinginkan seperti provokasi sama ada terhadap anggota penguat kuasa mahupun orang awam," katanya.

Diguna dalam 10 zon penguatkuasaan

MPS beli 15 unit kamera badan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Selangor (MPS) menjadi pihak berkuasa tempatan (PBT) keempat negeri ini yang memasang kamera badan pada anggotanya bagi meningkatkan integriti dan kecekapan.

Yang Dipertuanya berkata sebanyak RM11,250 dibelanjakan bagi membeli 15 unit kamera badan yang akan digunakan dalam 10 zon penguatkuasaan dan beberapa unit lain antaranya unit khas, tunda, malam dan hasil.

"Harga seunit kamera badan ialah RM750 dan pemasangan alat ini bermula awal Julai lalu supaya dapat dijadikan bahan bukti sekiranya berlaku insiden tidak diinginkan.

"Kamera badan digunakan dalam operasi penguatkuasaan seperti pembuangan sampah haram dan aktiviti perniagaan tanpa lesen terutama gerai penjaja," kata Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor pada 28 Ogos.

Katanya, pemasangan peranti itu bukan untuk mencari kesalahan sebaliknya memberi keadilan kepada kedua-dua pihak sama ada anggota mereka difitnah atau orang ramai menjadi mangsa salah guna kuasa.

"Ia secara tidak langsung memberi keyakinan kepada anggota kita untuk bertugas di lapangan selain memper-



Shamsul Shahril Badliza Mohd Noor (dua dari kanan) memasang kamera badan penguat kuasa MPS pada 28 Ogos

tahankan diri jika berlaku provokasi atau tohmahan," katanya.

Beliau menambah alat itu memiliki paparan audio dan visual berdefinisi tinggi selain tempoh rakaman lebih panjang untuk keselamatan jika berlaku serangan fizikal atau perbalahan.

Kerajaan Negeri memberi tempoh sehingga akhir tahun kepada PBT un-

tuk melengkapkan penguat kuasa dengan kamera badan bagi meningkatkan kecekapan dan integriti jika berlaku insiden luar duga.

Selain MPS, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Majlis Perbandaran Subang Jaya sudah menggunakan peranti tersebut.

Sita tiga premis, satu gerai warga asing

SHAH ALAM - Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) menyita tiga premis di Tanjong Karang serta sebuah gerai penjaja di Taman Sirambai di Kuala Selangor yang dikendalikan warga asing.

Pihak berkuasa tempatan itu memaklumkan penutupan serta-merta dan sitaan dibuat menerusi operasi yang dijalankan penguat kuasa pada

26 Ogos lalu.

"Antara barangan disita adalah seunit peralatan penjaja (khemah, meja kayu dan buah kelapa), 14 unit tong gas dan lapan kimpit beras pelbagai jenama.

"MDKS menyita dua unit kerusi gunting rambut, satu set peralatan gunting rambut, seunit vakum, seunit

pemampat udara dan seunit penyembur buih," katanya pada 29 Ogos.

Tindakan dibuat mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 dan Undang-Undang Kecil 42(1) Undang-Undang Kecil Penjaja (MDKS) 2007 serta barang rampasan dibawa ke stor MDKS.

Tawar kompaun parkir RM15

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menawarkan pengurangan bayaran kompaun serendah RM15 bagi kesalahan letak kereta sempena sambutan Hari Malaysia.

Yang Dipertuanya berkata kempen bertemakan 'Nikmati Lebih Potongan Harga Dengan Pembayaran Dalam Talian' bermula dari 15 hingga 30 September. Tawaran rebat tambahan RM5 juga diberi.

"Bagaimanapun, kompaun yang dikeluarkan atas kesalahan meletak kenderaan di petak khas tidak termasuk dalam kempen," kata Dr Ahmad Fadzil Ahmad Tajuddin pada 27 Ogos.

Sebanyak empat saluran pembayaran disediakan menerusi JomPay, aplikasi Smart Parking MPKlang, mesin i-Kiosk di lobi ibu pejabat MPK dan i Pay MPK dengan melayari ipay.mpklang.gov.my.

Semua saluran pembayaran dibuka 24 jam sepanjang tempoh berkenaan.

31 anjing di Pulau Ketam dilesenkan

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) melesenkan 31 anjing menerusi program Pelesenan Anjing Peliharaan di Pulau Ketam pada 21 hingga 23 Ogos lalu.

Yang Dipertuanya Dr Ahmad Fadzil Ahmad Tajuddin berkata tindakan berkenaan diambil bagi menyelesaikan aduan kacau ganggu yang diterima sebelum ini.

Beliau berkata MPK lazimnya menjalankan operasi penangkapan anjing terbiar secara berkala tetapi tahun ini dilakukan segera.

Dr Ahmad Fadzil menjelaskan tindakan itu bukan sahaja mengurangkan populasi anjing terbiar, malah mengawal tahap kesihatan anjing peliharaan penduduk setempat.

Kilang bina rumah pekerja tanpa izin

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) mengkompaun sebuah syarikat kilang yang membina rumah pekerja tanpa kelulusan di Bandar Mahkota dalam operasi pada 29 Ogos lalu.

Yang Dipertuanya, Dato' Amirul Azizan Abd Rahim berkata rumah tersebut menjadi punca bau dan pencemaran air parit yang turut mengalir ke sungai berhampiran.

"MPKL tidak berkompromi berhubung perkara itu dan mana-mana pihak yang didapati membina struktur bangunan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan akan dihadap ke mahkamah," katanya pada 20 Ogos.

Dua notis kesalahan dikeluarkan mengikut Seksyen 70(13)(c) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 Dan Undang-Undang Kecil 3, Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan Dan Perindustrian MPKL 2007.



DARI MUKA DEPAN

Beliau menyerahkan 1,308 pelitup muka kepada pengurusan Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19 di sini, sekolah pertama memperoleh manfaat itu. Serahan dibuat kepada Guru Besar Filzah Mohd Nor.

Pada 29 Julai, Amirudin mengumumkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan tersebut bagi mengurangkan beban orang ramai khususnya keluarga berpendapatan rendah (B40).

Selangor mewajibkan pemakaian alat itu di tempat awam ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bermula 4 Mei.

Pustaka wakaf sedia banyak khidmat

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa berkunjung ke perpustakaan wakaf di tingkat satu Wisma Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Seksyen 3 di sini.

Agensi itu memaklumkan pelbagai kemudahan disediakan seperti parkir tidak berbayar, kafe internet, surau dan tandas yang bersih.

"Terdapat koleksi bahan bacaan dan rujukan berkaitan baitulmal, wakaf dan zakat untuk orang awam khususnya pelajar serta penyelidik.

"Perpustakaan dibuka setiap Isnin hingga Jumaat mulai jam 9 pagi hingga 5.30 petang. Namun, ia ditutup pada cuti umum," kata Mais pada 30 Ogos.

Sasar RM15 juta bida nombor UiTM

SHAH ALAM - Universiti Teknologi Mara (UiTM) menyasarkan kutipan RM15 juta daripada hasil bidaan nombor pendaftaran khas kenderaan yang dilancarkan pada 26 Ogos lalu.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya, Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir berkata hasil disalurkan kepada tabung UiTM bagi membiayai pengajian pelajar serta aktiviti pengajaran dan penyelidikan.

Proses bidaan dan penjualan nombor pendaftaran khas 'UITM' yang bermula dengan angka 10 hingga 9999 bakal berlangsung selama tiga tahun hingga 2023 di laman <https://uitmbida.uitm.edu.my/>.

e-Sukan sebagai modul kokurikulum

SHAH ALAM - Universiti Teknologi Mara (UiTM) bakal menjadikan sukan elektronik (e-sukan) sebagai antara modul kokurikulumnya pada sesi pengajian semester akan datang.

Naib Canselor UiTM Prof Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kassim berkata langkah itu seiring dengan perkembangan industri e-sukan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

"Modul baharu ini akan meningkatkan minat pelajar untuk menyertai bidang e-sukan serta boleh dijadikan satu ruang kerjaya baharu," katanya pada 28 Ogos. - BERNAMA

Bangkit semangat patriotisme

IBDE terjemah buku kisah darurat

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN & NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Karya klasik tentang zaman darurat di tanah air khususnya penentangan komunis antara buku yang diterjemah Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) baru-baru ini.

Buku 'War of the Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerrillas' karangan Noel Barber diberi judul 'Perang Anjing Suruhan: Darurat dan kekalahan Komunis di Malaya 1948-1960'.

Ketua pengarang IBDE, Al-Mustaqeem M Radhi menyifatkan karya berkenaan membangkitkan semangat patriotisme sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-63.

"Kita mahu masyarakat yang membacanya dapat menyelami keperitan zaman darurat dahulu," katanya. Setakat ini, sebanyak 1,000 naskhah dicetak dan dijual pada harga RM45.

Beliau berkata olahan penulis bertena-ga dan menarik, antaranya kisah peladang

dan isterinya yang terpaksa mengangkat senjata dan berkawal saban malam untuk menepis serangan komunis.

"Penulis juga menceritakan tentang kucar-kacir pentadbiran British dan juga komunis sendiri, tentang anak-anak dibunuh di depan ibu bapa, tentang mata-mata gelap yang licik dan banyak lagi," katanya.

Al-Mustaqeem berkata IBDE juga menerbitkan karya klasik dunia yang mengisahkan kekejaman pemerintahan Nazi melalui diari Anne Frank, seorang remaja berusia 13 tahun ketika itu.

"Dalam usia muda, Anne dan keluarganya melarikan diri ke Amsterdam pada 1942. Keluarga Yahudi itu hidup bersembunyi dalam satu ruang rahsia sebuah bangunan usang bersama satu keluarga Yahudi lain.

Beliau berkata gadis itu merakam gambaran hidup dalam persembunyian sebelum kedudukan mereka diketahui polis rahsia Jerman, Gestapo selepas dua tahun.



"Diari ini ditemui dalam loteng yang dihuni oleh Anne selama beberapa tahun sebelum kematiannya," kata Al-Mustaqeem.

Beliau menyifatkan buku 'Diari Seorang Gadis' membawa peringatan ampuh tentang kepedihan zaman perang serta suatu penyaksian terhadap keteguhan semangat manusia," katanya.

Sejak empat tahun lalu, IBDE melalui Siri Pencerahan Selangor gigih menerbitkan buku adiknya dunia, sebahagian karya itu berusia ribuan tahun, meliputi biografi tokoh, agama, falsafah dan sejarah.

Tempahan boleh dibuat melalui Facebook Inisiatif Buku Darul Ehsan atau layari laman sesawang buku-ibde.com.

Peserta IKTISASS laku di pasaran kerja

KUALA SELANGOR - Peserta Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) gembira kerana mendapat pekerjaan dan berpotensi membuka perniagaan sendiri selepas menamatkan latihan menerusi program itu.

Beberapa pelatih ditemui selepas menerima Sijil Tamat Latihan daripada Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 25 Ogos lalu, menyifatkan kemahiran yang dipelajari di Kolej Antarabangsa INPENS, kini dikenali Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor, sama seperti di dunia industri.

Pelatih bidang penyelenggaraan penyaman udara, Muhammad Amirul Rafiq Azman, 20, berterima

kasih dengan Kerajaan Negeri kerana menajanya penyertai program itu sehingga beliau mendapat pekerjaan di Daikin Malaysia.

"Saya nampak bidang kemahiran mempunyai peluang pekerjaan lebih cerah. Pelajaran saya terima menerusi IKTISASS tidak banyak beza dengan di industri malah lebih mudah dipraktikkan," katanya.

Bagi Muhammad Noor Amin Mohd Azizi, 21, program IKTISASS membuka peluang untuknya bekerja di Restoran Teh Tarik Corner selepas menamatkan pengajian dalam bidang penye-

diaan dan pembuatan makanan.

Beliau yang kini bertugas sebagai penebar roti canai berkata banyak teknik memasak dipelajari daripada tukang masak terkemuka sejak bekerja di situ hampir setahun.

Pelajar bidang automotif Muhammad Nur Iman Ismail, 21, pula berkata pengajian menerusi IKTISASS tidak membebankan kerana kos pengajian yang rendah.

"Saya pilih bidang automotif kerana suka kelajuan dan membuat pengubahsuaian. Saya berhasrat membuka bengkel sendiri serta bersaing dengan pemain terkemuka suatu hari nanti," katanya yang kini menyambung pengajian peringkat diploma.



Kehadiran Orang Asli ke sekolah merosot

SEPANG - Kehadiran pelajar Orang Asli terutama di sekolah rendah merosot sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

EXCO hal ehwal orang asli berkata perkara itu dilapor Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) yang bimbang pelajar golongan itu keciciran.

"Sebelum PKP, mereka tidak ada masalah ke sekolah. Mungkin sudah selesai duduk lama di rumah menyebabkan mereka enggan ke sekolah semula.

"Jadi saya harap ibu bapa memainkan peranan penting dengan pastikan anak masing-masing hadir ke sekolah setiap hari," kata Hee Loy Sian pada 27 Ogos lalu.

Kerajaan Negeri menitikberatkan pendidikan Orang Asli, malah Jakoa membekalkan RM2 seorang pelajar setiap hari bagi menggalakkan mereka ke sekolah.

"Kita mahu anak Orang Asli mendapat pendidikan sempurna seperti kaum lain. Kita tidak mahu mereka tercicir dalam pelajaran," katanya.

Kenal pasti jemaah elak penularan wabak

SHAH ALAM - Keprihatinan pentadbir masjid dan surau mengenal pasti jemaah terutama warga asing penting bagi mengawal penularan Covid-19.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Mohd Shahzihan Ahmad berkata arahan tersebut bagi meminimumkan kemungkinan tercetus jangkitan baharu.

"Solat fardu biasanya dihadiri orang

yang sama. Jika ada tambahan (jemaah) hanya melibatkan musafir, maka corak (kehadiran) boleh dibaca dan pentadbir tahu siapa bukan jemaah tetap terutama warga asing.

"Mereka (warga asing) bukan tidak dibenarkan solat (tetapi) kita mahu mengelak penularan (wabak) dalam kalangan jemaah tidak dikenali," katanya pada 30 Ogos.

Kerajaan persekutuan bersetuju membenarkan warga asing solat berjemaah di masjid dan surau bermula 1 September mengikut tatacara operasi piawai selepas tidak mengizinkannya sejak Mac lalu.

Bagaimanapun, Jais membuat ketetapan melarang warga asing tidak dikenali atau jarang hadir berjemaah di masjid dan surau.

Warga asing dikenali boleh hadir

Bawa sejadah sendiri

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor mengekalkan syarat jemaah perlu membawa sejadah sendiri semasa hadir ke masjid atau surau untuk menunaikan solat Jumaat atau fardu.

Pengarahnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata Selangor turut mengekalkan larangan jemaah warga asing yang tidak dikenali atau jarang hadir solat berjemaah di masjid dan surau bagi mengelak penularan Covid-19.

"Bagi warga asing yang benar-benar dikenali pihak masjid dan surau pula

dibenarkan untuk solat Jumaat dan fardu secara berjemaah, namun tertakluk kepada tatacara operasi piawai.

"Keputusan ini dibuat bagi meminimumkan kebarangkalian cetusan baharu penularan semula pandemik daripada aktiviti di masjid dan surau," katanya pada 27 Ogos. Ketetapan itu tertakluk kepada pengumuman baharu kelak.

Mohd Shahzihan berkata semua masjid dan surau diberi kelonggaran beroperasi mengikut kapasiti maksimum selepas penjarakan 1.5 meter termasuk aktiviti pengimarahannya juga dibenarkan sejak 1 Julai lalu.

"Pentadbir masjid dan surau perlu tetapkan akses dan kemudahan yang wajar kepada pelbagai kategori jemaah termasuk musafir agar mereka dapat mendirikan solat dengan sempurna.

"Penutupan pintu atau sebarang halangan pula boleh dibuat jika jumlah jemaah sudah mencukupi," katanya.

Pada 25 Ogos lalu, Majlis Keselamatan Negara memberi kelonggaran kepada jemaah untuk tidak membawa sejadah manakala warga asing dibenarkan solat berjemaah di masjid dan surau mulai 1 September ini.

LZS-Perkeso bantu golongan terjejas

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) menjalin kerjasama perkongsian data bagi membantu asnaf termasuk golongan terjejas pendapatan akibat penularan wabak Covid-19, mendapatkan perlindungan sosial yang menyeluruh.

Ketua Pegawai Eksekutif LZS, Saipolyazan M Yusop berkata menerusi kerjasama dalam Program Sinergi Sosial itu, kedua-dua agensi berkenaan akan berkongsi data asnaf yang memerlukan bantuan keselamatan sosial dan penempatan pekerjaan supaya mereka mampu berdikari.

"Dengan cara ini, kita dapat pastikan bantuan disalurkan dengan lebih menyeluruh tanpa ada yang tertinggal," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Memorandum Kolaborasi Program Sinergi Sosial antara LZS dan Perkeso di sini pada 26 Ogos.

Memorandum berkenaan ditandatangani oleh Saipolyazan mewakili LZS dan Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed bagi pihak pertubuhan berkenaan.



Pengerusi LZS, Tan Sri Syed Anwar Jamalullail (dua, kanan) bersama Ahli Jemaah Perkeso, Datuk Ahmad Nazaruddin Abdul Razak (dua, kiri) menandatangani MoU antara LZS Bersama Perkeso. Foto BERNAMA

Tambah Saipolyazan lagi, kerjasama tersebut juga akan mendaftarkan asnaf yang masih produktif serta penerima bantuan zakat LZS yang kehilangan kerja akibat wabak Covid-19 di portal penjanakerjaya.perkeso.gov.my supaya mereka dapat kembali bekerja dan menjana pendapatan sendiri.

Sementara itu, Mohammed Azman

berkata Perkeso juga telah membangunkan sistem 'MySynergy' bagi menyokong program berkenaan.

"Jalinan kerjasama ini dilihat sebagai penyelesaian tepat terhadap permasalahan bagi membantu kedua-dua agensi untuk memastikan tiada prospek tercicir daripada menerima bantuan," katanya. - BERNAMA

Jais kekalkan SOP solat, nikah

SHAH ALAM - Tatacara operasi piawai (SOP) solat jemaah dan Jumaat di Selangor dikekalkan susulan lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan sehingga 31 Disember ini.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata pentadbir masjid dan surau perlu memastikan arahan tersebut dipatuhi sesuai dengan norma baharu bagi mengekang penularan Covid-19.

"SOP masjid dan surau buat masa ini diteruskan kerana ia dianggap sebagai norma baharu," kata Mohd Shahzihan Ahmad (*gambar*) pada 1 September.

Beliau menjelaskan SOP bagi majlis akad nikah turut dikekalkan dengan kehadiran tidak lebih 15 orang di masjid tertentu atau pejabat agama Islam daerah.

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj sebelum ini berkenan membenarkan tambahan jemaah mengikut kapasiti ruang masjid dan surau dengan jarak fizikal 1.5 meter.



WAKTU SOLAT SELANGOR							
3 - 9 SEPTEMBER 2020							
15 - 21 MUHARRAM 1442							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Khamis	5:49	5:59	7:06	1:15	4:22	7:20	8:29
04 Jumaat	5:49	5:59	7:06	1:15	4:21	7:19	8:29
05 Sabtu	5:49	5:59	7:06	1:15	4:20	7:19	8:28
06 Ahad	5:49	5:59	7:05	1:14	4:19	7:18	8:28
07 Isnin	5:49	5:59	7:05	1:14	4:18	7:18	8:27
08 Selasa	5:48	5:58	7:05	1:14	4:17	7:17	8:27
09 Rabu	5:48	5:58	7:05	1:13	4:16	7:17	8:26
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Khamis	5:52	6:02	7:08	1:18	4:24	7:22	8:32
04 Jumaat	5:52	6:02	7:08	1:18	4:23	7:22	8:31
05 Sabtu	5:52	6:02	7:07	1:17	4:22	7:21	8:31
06 Ahad	5:51	6:01	7:07	1:17	4:21	7:21	8:30
07 Isnin	5:51	6:01	7:07	1:17	4:20	7:21	8:30
08 Selasa	5:51	6:01	7:07	1:16	4:19	7:20	8:29
09 Rabu	5:51	6:01	7:06	1:16	4:18	7:20	8:29
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
03 Khamis	5:50	6:00	7:07	1:16	4:23	7:20	8:29
04 Jumaat	5:50	6:00	7:07	1:16	4:22	7:19	8:29
05 Sabtu	5:50	6:00	7:07	1:15	4:21	7:19	8:28
06 Ahad	5:50	6:00	7:07	1:15	4:20	7:18	8:28
07 Isnin	5:50	6:00	7:06	1:14	4:19	7:18	8:27
08 Selasa	5:49	5:59	7:06	1:14	4:18	7:18	8:27
09 Rabu	5:49	5:59	7:06	1:14	4:17	7:17	8:26



Sumbang 2,000 unit bahan cegah virus

SHAH ALAM - Pertubuhan Amal Tengku Hishammuddin Zaizi (THZ) menyalurkan bantuan 2,000 unit bahan pencegahan Covid-19 iaitu pelitup muka dan cecair pembasmi kuman kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Kita cuba membantu sedaya upaya dan kini aktif mengagihkan sumbangan di hospital kerajaan, klinik kesihatan dan pihak berkuasa tempatan.

"Insyallah kita akan agih sumbangan di seluruh Selangor," kata Presidennya Tengku Dato' Dr Hishammuddin Zaizi.

Dalam majlis pada 28 Ogos. Dr Hishammuddin menyerahkan sumbangan kepada Yang Dipertua MPK, Dr Ahmad Fadzil Ahmad Tajuddin.

Beliau menjelaskan pihaknya turut memberi mesin semburan pembasmi kuman ke beberapa sekolah terpilih sekitar Klang bagi menggalakkan pelajar membuat pembasmian sebelum ke kelas.

Bantu veteran ATM

Kempen 'Malaysiaku' sasar RM10,000

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

SHAH ALAM - Pejabat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Melawati menyasarkan kutipan RM10,000 menerusi kempen 'Malaysiaku' untuk membantu veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Ahli Dewan Negerinya berkata program itu menyasarkan bekas tentera berstatus orang kelainan upaya (OKU) serta bantuan bencana alam, kebakaran rumah dan kerusi roda.

"Kita menjual 1,000 unit pin merdeka yang berharga RM10 seunit dan seluruh kutipan ini akan disalurkan terus ke Tabung Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM) cawangan Kuala Selangor," kata Juwairiya Zulkifli pada 26 Ogos.



Juwairiya menunjukkan pin merdeka sempena Kempen Malaysiaku di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 26 Ogos

Beliau berkata kempen itu juga bertujuan meningkatkan kesedaran rakyat mengenai pengorbanan veteran tentera sekali gus menyemai semangat patriotik dalam kalangan generasi muda.

Juwairiya berharap masyarakat turut sama menjayakan kempen tersebut dengan menghubungi Pejabat DUN Bukit Melawati melalui talian 03-3281 4233.

Makluman Alamat Baharu



Media Selangor Sdn Bhd
(dahulu dikenali Communication Corporation Sdn Bhd) berpindah ke

Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No. 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor

T +603 5523 4856 F +603 5523 5856 E info@mediaselangor.com

Penerbit

Yide-Yapeim tingkat usaha kebajikan



Mohd Razali menerima cenderahati daripada Pariha selepas perbincangan antara Yide dan Yapeim pada 28 Ogos

SHAH ALAM - Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) mengukuhkan kerjasama bagi memperkakan aktiviti kebajikan.

Dua yayasan berkenaan bertemu pada 27 Ogos lalu, Yide diwakili Pengurus Besarnya, Nur Mohd Razali Abdullah dan Pengurus Operasi Md Arifin Jaafar manakala Yapeim pula oleh Pemangku Ketua Pengarahnya, Pariha Hasan.

"Perbincangan bertujuan menjalinkan hubungan kerjasama di antara Yide dan Yapeim untuk aktiviti kebajikan khususnya bagi keperluan golongan memerlukan dengan kelebihan inisiatif kedua-dua agensi ini.

"Kedua-dua pihak bersetuju agar misi serta aktiviti kebajikan dua institusi ini dapat mengoptimalkan fungsi di Selangor khususnya," katanya pada 28 Ogos.

Perlawanan persahabatan, kem berpusat SUKMA

Tingkat prestasi atlet

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

SHAH ALAM - Program latihan atlet Sukan Malaysia (SUKMA) Selangor diubah termasuk kerap mengadakan perlawanan persahabatan bagi meningkatkan prestasi.

Pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri berkata atlet turut mengikuti kem berpusat dengan menjemput pakar psikologi bagi menguatkan mental serta memastikan mereka kekal bersemangat walaupun lama tidak bertanding.

"Memandangkan tiada kejohanan utama dianjurkan pada tahun ini kita ubah suai latihan atlet, kita tidak mahu prestasi merosot, kita mahu mereka kekal fokus dan berdisiplin.

"MSN juga telah atur sesi kem berpusat bagi memastikan atlet lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dengan memantapkan mental dan menaikkan semangat mereka," kata Mohamad Nizam Marjuga pada 31 Ogos.



Sesi psikologi sukan oleh Dr Jamatul Shahidah Shaari bersama pasukan kanu SUKMA Selangor di Kolam ORS, Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya, Kuala Selangor

SUKMA Johor 2020 yang ditangguh susulan penularan Covid-19 dijadualkan semula pada 6 hingga 14 Mac tahun depan manakala Para Sukma berlangsung

bermula 5 hingga 10 April.

Selangor menyasarkan kutipan 45 pingat emas, 40 perak dan 40 gangsa pada kejohanan tersebut.

Tragedi Adib, enam anggota lemas dorong kayuhan

SHAH ALAM - Dua kejadian berasingan yang membawa kematian tujuh anggota bomba termasuk Muhammad Adib Mohd Kassim menjadi pendorong buat Mohd Fakhru Munir Mohd Isa membuat Kayuhan Amal Berbasikal.

"Dari peristiwa malang itu, saya terdetik untuk bantu keluarga mangsa. Alhamdulillah selepas dua tahun, idea ini menjadi kenyataan dan mendapat sokongan banyak pihak," kata anggota berusia 38 tahun yang kini bertugas di Kuala Kubu Bharu.

Pada 3 Oktober 2018, enam anggota iaitu Mohd Fatah Hashim, 34, Izatul Akma Wan Ibrahim, 32, Mazlan Omarbaki, 25,

dan Yahya Ali, 24, Adnan Othman, 33, dan Muhammad Hifdzul Malik Shaari, 25, lemas ketika cuba menyelamat seorang remaja di lombong di Taman Putra Perdana, Puchong.

Satu lagi kejadian yang dirujuk beliau adalah kematian Muhammad Adib pada 17 Disember selepas parah dalam rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya, November 2018.

Mohd Fakhru melakukan kayuhan solo bermula 6 Ogos lalu sejauh 2,020km termasuk singgah ke lebih 100 balai bomba dan penyelamat walaupun sasaran asal hanya 63 buah.

"Perjalanan dari Jeli, Kelantan ke Gerik, Perak sangat menguji ketahanan apabila mengalami kekejangan otot selain berdepan hujan lebat dan angin lintang.

"Namun, ia tidak mematahkan semangat saya. Pengalaman 15 tahun sebagai anggota serta kerap mendaki gunung membantu saya menguatkan diri," katanya kepada Media Selangor.

Beliau yang mulanya bercadang membuat program tersebut untuk membantu lapan keluarga anggota bomba itu menyerahkan urusan berkenaan kepada pengurusan atasan untuk pengagihan sumbangan.

FAM-MAB terus jalin kerjasama

PETALING JAYA - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) menandatangani perjanjian lanjutan usaha sama bagi tempoh

2021 hingga 2023 yang menyaksikan syarikat penerbangan itu kekal sebagai rakan penerbangan rasmi skuad Harimau Malaya.

Perjanjian itu, yang ditandatangani antara Setiausaha Agung FAM Stuart Ramalingam dan Ketua Pegawai Pemasaran dan Pengalaman Pelanggan Kumpulan MAB Lau Yin May, adalah kesinambungan perjanjian selama dua tahun sebelum ini yang berakhir Disember ini

Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin berkata lanjutan perjanjian itu menjadi isyarat hubungan kerjasama yang baik antara kedua-dua pihak meskipun pelbagai program dan aktiviti yang dirancang untuk 2020 terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Bagi saya, kerjasama di antara FAM dan Malaysia Airlines ini cukup simbolik kerana kedua-duanya merupakan jenama kebangsaan yang begitu sinonim dengan negara kita, Malaysia," katanya pada 29 Ogos lalu. -BERNAMA

Hamidin (tiga, kiri) menyaksikan majlis menandatangani perjanjian lanjutan usaha sama antara FAM dan MAB sempena Kongres Tahunan FAM ke-56 pada 29 Ogos
- Foto BERNAMA



Ujian virus dalam kejohanan utama

KUALA LUMPUR - Persekutuan Badminton Dunia (BWF) akan melaksanakan ujian Covid-19 dalam semua kejohanan utama serta siri kejohanan Jelajah Dunia untuk mengurangkan penularan pandemik itu.

Badan induk badminton dunia itu memaklumkan ujian berkenaan akan melibatkan kakitangan yang berdaftar diuji terlebih dahulu sebelum setiap kejohanan mengikut garis panduan Protokol Keselamatan dan Prosedur Operasi yang ditetapkan BWF.

"Sekurang-kurangnya satu ujian wajib akan dibuat bagi setiap pemain pada setiap acara," menurut pada 29 Ogos.

Dalam pada itu, BWF melancarkan kalendar kejohanan Jelajah Dunia yang telah diselaraskan untuk musim ini akibat pandemik itu.

Jelajah Dunia akan diteruskan dengan tiga kejohanan di rantau Asia pada November sebelum musim pertandingan tamat dengan Final Jelajah Dunia. Bagaimanapun, BWF masih belum menetapkan tarikh dan lokasi acara itu. -BERNAMA

10 atlet negara layak ke Paralimpik Tokyo



KUALA LUMPUR - Majlis Sukan Negara (MSN) mengesahkan seramai 10 atlet para negara sudah layak ke temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Pengarah Bahagian Paralimpik MSN Mohd Sofian Hamzah berkata sasaran sebenar jumlah atlet untuk dihantar ke Tokyo adalah seramai 31 orang dan pihaknya masih dalam proses pemantauan dan penilaian sebelum membuat sebarang ketetapan.

"Kami masih memantau perkembangan mereka (atlet) sebelum mengumumkan senarai penuh kerana ada yang mengalami kecederaan dan ada masih belum mencapai tahap prestasi terbaik," katanya pada 26 Ogos.

Sepuluh atlet Para yang sudah mengesahkan slot ke Tokyo 2020 adalah Muhd Nursafiqul Zulfikri dan Brenda Anelia (renang); S Suresh dan Wiro Julin (memanah).

Turut tersenarai Muhammad Ziyad Zolkefli, Wong Kar Gee, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi, Abdul Latif Romli (olahraga); Chew Wei Lun (boccia) dan Bonnie Bunyau Gustin (powerlifting). -BERNAMA



Hargai pengorbanan anggota bomba

RM10,000 sokong kayuhan amal



Amirudin menyerahkan sumbangan kepada Mohd Fakhru ketika program Kayuhan Amal Berbasikal pada 28 Ogos

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Selangor menyumbang RM10,000 bagi menyokong misi kayuhan amal seorang anggota bomba bermula awal Ogos lalu untuk mengutip dana.

Sumbangan kepada Tabung Kebajikan Anggota Bomba diserahkan Dato' Menteri Besar bagi membantu ahli badan beruniform tersebut yang memerlukan.

"Kita beri penghargaan kepada Mohd Fakhru Munir Mohd Isa yang ber-

jaya melancar misi dan memuji komitmennya yang bersungguh-sungguh mengutip dana untuk membantu anggota lain.

"Kayuhan sejauh 2,020km dengan melawat 63 balai bomba dan penyelamat (BBP) juga simbolik sempena sambutan kemerdekaan ke-63," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada program Kayuhan Amal Berbasikal di ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor di sini.

Beliau turut menyambut kehadiran Mohd Fakhru Munir, 38, yang berkayuh

dari Sungai Besar ke BBP Kota Anggerik, lokasi ke-61 kayuhan amal itu.

Sementara itu, Amirudin berkata Kerajaan Negeri sentiasa menjalin kerjasama baik dengan JBPM terutama isu tapak baharu balai.

"Kita akan pastikan tapak dicadangkan JBPM sesuai sebelum memberi kelulusan. Setakat ini beberapa tapak sudah diluluskan," katanya lagi.

Mohd Fakhru Munir mengelilingi Semenanjung secara solo sambil mengutip dana, yang akan diagih selepas tamat kayuhan pada 31 Ogos.

SUKMA: Selangor kekal sasar 45 emas

SHAH ALAM - Selangor kekal dengan sasaran 45 pingat emas pada Sukan Malaysia (SUKMA) tahun depan, kata pengarah eksekutif Majlis Sukan Negeri.

Mohamad Nizam Marjuki berkata pihak yakin prestasi atlet meningkat walaupun mengakui prestasi beberapa individu menurun susulan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang panjang.

"Buat masa ini semua atlet menjalankan latihan seperti biasa dengan mengikut tatacara operasi piawai (SOP), tahap prestasi atlet memuaskan walaupun terdapat atlet prestasinya sedikit menurun.

"Namun begitu prestasi majoriti atlet meningkat sejak latihan dibenarkan pada Julai dan kita harap momentum ini dapat dikekalkan terutama melibatkan

sukan penyumbang pingat," katanya pada 31 Ogos.

SUKMA Johor 2020 yang ditangguh susulan penularan Covid-19 dijadualkan semula pada 6 hingga 14 Mac tahun depan manakala Para Sukma berlangsung bermula 5 hingga 10 April.

Selangor sebelum ini menyasarkan kutipan 45 pingat emas, 40 perak dan 40 gangsa pada kejohanan tersebut.

Sathianathan tidak fikir status musim depan

SHAH ALAM - Status masa depan pengendali skuad Selangor, B Sathianathan pada musim depan bergantung kepada prestasi pemain dalam mempamerkan hasil terbaik dalam saingan Liga Super buat masa ini.

Pengendali skuad The Red Giants itu berkata beliau kini masih menjalankan tugasnya sebagai jurulatih dan terserah kepada pihak pengurusan untuk menentukan nasibnya selepas perlawanan musim ini menutup tirainya.

"Bagi saya, saya adalah jurulatih pasukan, saya tidak peduli dengan masa depan saya. Selagi apa yang semua pemain tahu, saya akan memberikan seratus peratus kepada pasukan. Itu yang saya ambil tahu.

"Mereka (pihak pengurusan) boleh memutuskan apa sahaja yang mereka mahukan. Saya tidak mengambil cuti walaupun sehari... saya bekerja. Saya melakukan semuanya dan pemain juga melakukannya. Saya telah memberikan seratus peratus, jadi saya tidak peduli, mereka (pihak pengurusan) boleh buat apa yang mereka mahu," katanya.

Beliau mengulas masa depannya bersama Selangor bagi musim hadapan dalam sidang media perlawanan Liga Super antara Selangor menentang Petaling Jaya City FC (PJ City FC) yang berkesudahan seri tanpa jaringan di Stadium Universiti Teknologi Mara, 29 Ogos lalu. -BERNAMA

Kejuaraan B-19 AFC mungkin ditangguh

PETALING JAYA - Kejuaraan Bawah 19 Tahun (B-19) Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) 2020 yang dijadual dari 14 hingga 30 Oktober di Uzbekistan kemungkinan ditangguhkan, kata Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) Datuk Hamidin Mohd Amin.

Hamidin, yang juga Ahli Jawatankuasa Eksekutif AFC berkata ia disebabkan impak penularan pandemik Covid-19 yang turut menyaksikan kejohanan penting di bawah kelolaan AFC seperti saingan Kelayakan Piala Dunia 2022/ Piala Asia 2023 ditangguhkan ke tahun hadapan.

"Jika dilihat (impak Covid-19), ada kemungkinan Kejuaraan B-19 AFC akan ditangguhkan.

"Semua pertandingan sudah dianjak ke tahun depan, Kejuaraan AFF (Persekutuan Bola Sepak ASEAN) dan aksi kelayakan pun sama tetapi tahun depan pun masih menjadi tanda soal," katanya pada 29 Ogos.

Pada edisi ke-41 kejuaraan yang menjadi pentas kelayakan ke Piala Dunia B-20 2021 di Indonesia itu, Malaysia diundi dalam Kumpulan D bersama juara bertahan Qatar serta dua negara yang sedang meningkat, Tajikistan dan Yaman. -BERNAMA